Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

LPPKN
LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA





LAPORAN KAJIAN

# Indeks Kesejahteraan Keluarga

Malaysia
**2011**



LAPORAN KAJIAN

# Indeks Kesejahteraan Keluarga

Malaysia

2011

**Diterbitkan oleh:**
Bahagian Kependudukan
Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)

Bangunan LPPKN,
12B Jalan Raja Laut,
Peti Surat 10416
50712 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: 03-26937555
Faks: 03-26988185
Emel: penduduk@lppkn.gov.my
Laman web: www.lppkn.gov.my

**ISBN 978-983-2205-84-5**
Diterbitkan pada November 2013

Semua hak terpelihara. Sebarang penerbitan semula atau terjemahan kandungan penerbitan ini hendaklah mendapat kebenaran daripada Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, Malaysia.



# PRAKATA

**Dato' Dr. Noorul Ainur Mohd. Nur**

Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat, Malaysia

Kesejahteraan keluarga merupakan elemen penting dalam usaha kerajaan memacu ekonomi negara menjadi Negara maju menjelang tahun 2020. Menyedari hakikat ini, Kerajaan telah mengambil langkah holistik bagi meningkatkan kualiti hidup masyarakat serta kesejahteraan keluarga.

Usaha untuk memahami dengan lebih tepat berkenaan kesejahteraan keluarga di Malaysia adalah relevan selaras dengan misi nasional dalam mewujudkan sebuah negara yang harmoni dan sejahtera. Justeru, adalah penting untuk memastikan indikator yang dipilih untuk menggambarkan kesejahteraan keluarga mengikut acuan Malaysia dilaksanakan.

Laporan Kajian Indeks Kesejahteraan Keluarga yang dihasilkan ini memberikan gambaran tentang keadaan kesejahteraan keluarga di negara kita. Secara keseluruhan, tahap kesejahteraan keluarga adalah berada pada tahap yang baik. Namun usaha untuk memantapkan institusi keluarga perlu terus diperhebatkan. Pelbagai inisiatif telah diambil oleh Kerajaan untuk memperkukuhkan institusi keluarga, dan yang penting adalah usaha kita semua bagi memastikan visi menjadikan Malaysia negara maju dan berpendapatan tinggi dapat direalisasikan. Sesungguhnya, untuk mencapai tahap kesejahteraan keluarga yang tinggi, pelbagai pihak perlu memainkan peranan yang penting daripada di peringkat institusi keluarga sehingga ke peringkat penggubal dasar.

Saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan penghargaan kepada ahli-ahli Jawatankuasa Teknikal yang telah menjayakan kajian ini. Jutaan terima kasih juga ditujukan khusus kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri atas peruntukan kewangan yang telah disalurkan dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) untuk perkhidmatan perunding sepanjang pelaksanaan kajian. Semoga hubungan dan kerjasama yang baik ini akan berterusan pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

**DATO' DR. NOORUL AINUR MOHD. NUR**



# PRAKATA

**Dato' Dr. Siti Norlasiah Ismail**

Ketua Pengarah
Lembaga Penduduk dan Pembangunan
Keluarga Negara, Malaysia

Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) merupakan agensi di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) yang berperanan khusus dalam mengukuh dan meningkatkan kesejahteraan keluarga di negara ini melalui penggubalan dasar, pelaksanaan kajian serta penyelidikan, dan pembangunan program intervensi berkaitan kekeluargaan.

Menyedari kepentingan keluarga sebagai unit asas sosial yang menyedia dan membekalkan sumber modal insan untuk pembangunan negara, LPPKN telah menjalankan Kajian Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia pada tahun 2011 untuk mengukur tahap kesejahteraan keluarga di negara ini dan seterusnya mencadangkan polisi dan program intervensi yang bersesuaian bagi memantap dan mengukuhkan lagi institusi keluarga.

Saya berharap agar laporan Kajian Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia ini akan menjadi salah satu daripada bahan rujukan penting kepada para penggubal dasar, perancang dan pelaksana program pembangunan, para penyelidik, ahli akademik dan masyarakat umum. Mudah-mudahan hasil kajian ini dapat dimanfaatkan oleh semua pihak sebagai asas kepada pembentukan keluarga yang lebih resilien dalam mengharungi cabaran di alaf baru.

Sekian, terima kasih.

**DATO' DR. SITI NORLASIAH ISMAIL**



# PRAKATA

**Dr. Anjli Doshi-Gandhi**

Ketua Projek
Kajian Indeks Kesejahteraan Keluarga
Malaysia 2011

Kajian Indeks Kesejahteraan Keluarga yang diterajui oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) merupakan sebuah projek penyelidikan yang dilaksanakan khusus untuk mengukur tahap kesejahteraan keluarga di Malaysia. Kajian ini telah mengenalpasti tujuh domain yang sesuai dalam memberikan maklumat tentang kesejahteraan keluarga Malaysia.

Secara keseluruhannya, tujuh domain tersebut adalah Hubungan Kekeluargaan, Ekonomi Keluarga, Kesihatan Keluarga, Keselamatan Keluarga, Keluarga dan Komuniti, Keluarga dan Agama/Kerohanian serta Perumahan dan Persekitaran. Domain ini diperkukuhkan lagi dengan 23 indikator yang telah dikenalpasti menerusi proses yang sistematik. Pembangunan domain dan indikator kesejahteraan keluarga tersebut telah memfokuskan kepada kesejahteraan subjektif di mana setiap keluarga diminta untuk memberi penilaian mengenai aspek-aspek tertentu berkaitan kepuasan dan kegembiraan hidup berkeluarga. Hasil kajian menunjukkan Indeks Kesejahteraan Keluarga berada pada paras 7.55 yang bermaksud kesejahteraan keluarga Malaysia berada pada paras yang sederhana. Melalui pemahaman ini diharapkan semua pihak akan bersama-sama berusaha dan memberi komitmen untuk meningkatkan tahap kesejahteraan keluarga di negara kita.

Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada pihak kementerian, jabatan, agensi-agensi serta semua yang terlibat dalam menjayakan Kajian Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia ini. Saya juga percaya bahawa dengan komitmen yang tinggi yang ditunjukkan, banyak lagi penyelidikan dapat dihasilkan oleh LPPKN dalam membantu negara mencapai apa yang diimpikan.

Sekian, terima kasih.

**DR. ANJLI DOSHI-GANDHI**

# PASUKAN PENYELIDIK

## LPPKN

Dato' Aminah Abdul Rahman
Dato' Dr. Siti Norlasiah Ismail
Dr. Anjli Doshi-Gandhi
Prof. Madya Tey Nai Peng
En. Adzmel Mahmud
En. Ismahalil Ishak
En. Irwan Nadzif Mahpul
En. Mohd Shukri Hashim

## Pasukan Perunding

**UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA (UIAM)**

Prof. Dr. Noraini Mohd Noor
Dr. Saodah Wok
Dr. Hariyati Shahrima

## Agensi / Jabatan

- Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri
- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat
- Kementerian Pelajaran Malaysia
- Kementerian Sumber Manusia
- Kementerian Penerangan, Komunikasi Dan Kebudayaaan
- Kementerian Wilayah Persekutuan Dan Kesejahteraan Bandar
- Kementerian Kesihatan Malaysia
- Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)
- Jabatan Perangkaan Malaysia
- Jabatan Pembangunan Wanita
- Jabatan Kebajikan Masyarakat
- Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBM)
- Institut Sosial Malaysia
- Institut Integriti Malaysia

## Urusetia

Bahagian Kependudukan, LPPKN



# KANDUNGAN


muka surat i — Prakata

muka surat iv — Pasukan Penyelidik

muka surat viii — Senarai Jadual Dan Rajah

muka surat 1 — Ringkasan Eksekutif



BAB SATU — Pengenalan — muka surat 7

**1.1** Pendahuluan
**1.2** Isu Dan Cabaran Institusi Keluarga Di Malaysia
**1.3** Kesejahteraan Keluarga
**1.4** Kepentingan Kajian
**1.5** Objektif Kajian
**1.6** Limitasi Kajian



BAB DUA — Sorotan Literatur Kesejahteraan Keluarga — muka surat 13

**2.1** Pendahuluan
**2.2** Skop Strategi Pencarian Maklumat
**2.3** Pemilihan Domain Dan Indikator Kesejahteraan Keluarga
**2.4** Konsep Kesejahteraan Keluarga

muka surat **19**

**BAB TIGA** Metodologi

**3.1** Sampel Kajian
**3.2** Kaedah Pembangunan Domain Dan Indikator
**3.3** Instrumen Dan Pengukuran
**3.4** Analisis Data

muka surat **27**

**BAB EMPAT** Penemuan Kajian (Ibu Bapa)

**4.1** Profil Responden
**4.2** Kesejahteraan Keluarga Mengikut Domain (Ibu Bapa)
**4.3** Indeks Kesejahteraan Keluarga (Ibu Bapa)
**4.4** Lain-lain Penemuan

muka surat **43**

**BAB LIMA** Penemuan Kajian (Anak 13 – 24 tahun)

**5.1** Profil Responden
**5.2** Kesejahteraan Keluarga Mengikut Domain (Anak)
**5.3** Indeks Kesejahteraan Keluarga (Anak)

muka surat **53**

**BAB ENAM** Kesimpulan Dan Cadangan

**6.1** Kesimpulan
**6.2** Cadangan Dan Syor

muka surat **57** Hebahan Media

muka surat **65** Rujukan

muka surat **69** Lampiran




# Senarai Jadual


| | | |
|---|---|---|
| **Jadual 1** | Domain Dan Indikator Dalam Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia, 2011 | 21 |
| **Jadual 2** | Taburan Responden Mengikut Ciri-ciri Sosio-Demografi | 29 |


# Senarai Rajah


| | | |
|---|---|---|
| **Rajah 1** | Konsep Kesejahteraan Keluarga | 17 |
| **Rajah 2** | Formula Pengiraan Indeks Kesejahteraan Keluarga (IKK) | 25 |
| **Rajah 3** | Taburan Isi Rumah Mengikut Strata | 28 |
| **Rajah 4** | Status Perkahwinan Responden | 28 |
| **Rajah 5** | Kategori Umur Responden | 28 |
| **Rajah 6** | Skor Domain Hubungan Kekeluargaan Mengikut Indikator | 30 |
| **Rajah 7** | Skor Domain Hubungan Kekeluargaan Mengikut Ciri-ciri Responden | 30 |
| **Rajah 8** | Skor Domain Ekonomi Keluarga Mengikut Indikator | 31 |
| **Rajah 9** | Skor Domain Ekonomi Keluarga Mengikut Ciri-ciri Responden | 31 |
| **Rajah 10** | Skor Domain Kesihatan Keluarga Mengikut Indikator | 32 |
| **Rajah 11** | Skor Domain Kesihatan Keluarga Mengikut Ciri-ciri Responden | 32 |
| **Rajah 12** | Skor Domain Keselamatan Keluarga Mengikut Indikator | 33 |
| **Rajah 13** | Skor Domain Keselamatan Keluarga Mengikut Ciri-ciri Responden | 33 |
| **Rajah 14** | Skor Domain Keluarga Dan Komuniti Mengikut Indikator | 34 |
| **Rajah 15** | Skor Domain Keluarga Dan Komuniti Mengikut Ciri-ciri Responden | 34 |
| **Rajah 16** | Skor Domain Keluarga Dan Agama/Kerohanian Mengikut Indikator | 35 |
| **Rajah 17** | Skor Domain Keluarga Dan Agama/Kerohanian Mengikut Ciri-ciri Responden | 35 |
| **Rajah 18** | Skor Domain Perumahan Dan Persekitaran Mengikut Indikator | 36 |
| **Rajah 19** | Skor Domain Perumahan Dan Persekitaran Mengikut Ciri-ciri Responden | 36 |

| | | |
|---|---|---|
| **Rajah 20** | Indeks Kesejahteraan Keluarga Dan Skor Kesejahteraan Mengikut Domain | 37 |
| **Rajah 21** | Indeks Kesejahteraan Keluarga Mengikut Ciri-ciri Responden | 38 |
| **Rajah 22** | Cabaran-Cabaran Yang Dihadapi Oleh Keluarga Di Malaysia | 39 |
| **Rajah 23** | Daya Ketahanan Keluarga di Malaysia | 40 |
| **Rajah 24** | Pemahaman Keluarga Tentang Kesejahteraan Keluarga | 41 |
| **Rajah 25** | Skor Domain Hubungan Kekeluargaan Mengikut Indikator | 44 |
| **Rajah 26** | Skor Domain Hubungan Kekeluargaan Mengikut Ciri-ciri Responden | 44 |
| **Rajah 27** | Skor Domain Ekonomi Keluarga Mengikut Indikator | 45 |
| **Rajah 28** | Skor Domain Ekonomi Keluarga Mengikut Ciri-ciri Responden | 45 |
| **Rajah 29** | Skor Domain Kesihatan Keluarga Mengikut Indikator | 46 |
| **Rajah 30** | Skor Domain Kesihatan Keluarga Mengikut Ciri-ciri Responden | 46 |
| **Rajah 31** | Skor Domain Keselamatan Keluarga Mengikut Indikator | 47 |
| **Rajah 32** | Skor Domain Keselamatan Keluarga Mengikut Ciri-ciri Responden | 47 |
| **Rajah 33** | Skor Domain Keluarga Dan Komuniti Mengikut Indikator | 48 |
| **Rajah 34** | Skor Domain Keluarga Dan Komuniti Mengikut Ciri-ciri Responden | 48 |
| **Rajah 35** | Skor Domain Keluarga Dan Agama/Kerohanian Mengikut Indikator | 49 |
| **Rajah 36** | Skor Domain Keluarga Dan Agama/Kerohanian Mengikut Ciri-ciri Responden | 49 |
| **Rajah 37** | Skor Domain Perumahan Dan Persekitaran Mengikut Indikator | 50 |
| **Rajah 38** | Skor Domain Perumahan Dan Persekitaran Mengikut Ciri-ciri Responden | 50 |
| **Rajah 39** | Indeks Kesejahteraan Keluarga Dan Skor Kesejahteraan Mengikut Domain | 51 |



LAPORAN KAJIAN
Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia 2011

muka surat 1

# Ringkasan Eksekutif

- Latar Belakang
- Objektif
- Proses Pembangunan Indikator Kesejahteraan Keluarga
- Penemuan Kajian Indeks Kesejahteraan Keluarga
- Kesimpulan



# Ringkasan Eksekutif

## KAJIAN INDEKS KESEJAHTERAAN KELUARGA MALAYSIA

### LATAR BELAKANG

Dalam beberapa dekad kebelakangan ini, Malaysia telah dan sedang mengalami proses pembangunan sosial dan ekonomi yang pesat. Ini adalah susulan daripada dasar-dasar yang dilaksanakan oleh Kerajaan seperti Dasar Pembangunan Baru (1991-2000), Dasar Wawasan Negara (2001-2010) dan Program Transformasi Kerajaan (2010-2020) yang ke semuanya berperanan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju dan berdaya saing. Walau bagaimanapun, proses ini telah saban hari menambahkan tuntutan ke atas institusi keluarga melalui peranan dan cabaran yang dihadapi oleh keluarga itu sendiri.

Bagi mengimbangi proses pembangunan sosial dan ekonomi yang pesat ini, institusi keluarga perlu dimantapkan. Ini adalah penting kerana keluarga merupakan unit asas sosial yang menyedia dan membekalkan sumber modal insan untuk pembangunan negara. Memandangkan kepentingan kesejahteraan keluarga bagi masa hadapan negara, kajian yang saintifik perlu dilaksanakan untuk mengukur tahap kesejahteraan keluarga di negara ini.

Pengukuran kesejahteraan keluarga dianggap penting kerana secara tidak langsung ia dapat mengukur kesan pelaksanaan dasar-dasar pembangunan sosial dan ekonomi negara ke atas keluarga serta setakat mana dasar-dasar serta program-program yang dilaksanakan tersebut berjaya ataupun tidak.

Oleh itu, kajian ini telah mengenal pasti indikator-indikator yang sesuai yang boleh memberikan maklumat tentang keadaan kesejahteraan keluarga Malaysia. Seterusnya,

berasaskan indikator-indikator yang dikenalpasti, satu Indeks Kesejahteraan Keluarga (IKK) dihasilkan untuk mengukur tahap kesejahteraan keluarga semasa di samping dapat digunakan untuk tujuan penyediaan dasar baru, perancangan pelaksanaan penyelidikan pada masa akan datang, pembangunan program dan perkhidmatan baru, serta perluasan program sedia ada.

## OBJEKTIF

i. Membina satu set indikator bagi mengukur kesejahteraan keluarga;
ii. Menganalisa kesejahteraan keluarga berdasarkan set indikator yang telah dibangunkan;
iii. Menghasilkan Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia; dan
iv. Mengemukakan cadangan kepada pihak Kerajaan bagi meningkatkan kesejahteraan keluarga.

## PROSES PEMBANGUNAN INDIKATOR KESEJAHTERAAN KELUARGA

Di dalam proses membangunkan set indikator, kajian ini telah menggunakan tiga pendekatan utama iaitu tinjauan literatur, perbincangan kumpulan berfokus (PKF) dan kajian rintis. Tinjauan literatur dilakukan terhadap kajian lepas yang pernah dilaksanakan daripada tahun 1990. Berdasarkan tinjauan tersebut, didapati Kesejahteraan Keluarga adalah suatu konsep multi-dimensi yang merangkumi aspek Hubungan Kekeluargaan, Ekonomi Keluarga, Kesihatan Keluarga, Keselamatan Keluarga, Keluarga dan Komuniti, Keluarga dan Agama/Kerohanian, serta Perumahan dan Persekitaran. Domain yang dikenalpasti telah dibincangkan dalam dua siri PKF iaitu PKF formal yang terdiri daripada ahli akademik, agensi Kerajaan dan badan bukan kerajaan manakala PKF tidak formal terdiri daripada orang awam yang terpilih. Respons daripada PKF yang ditranskripsi, ditafsir dan disahkan dengan sorotan literatur telah dijadikan asas dalam pengemaskinian domain dan indikator kajian.

Seterusnya, indikator tersebut diuji dalam kajian rintis yang dilakukan ke atas 30 buah isi rumah. Berdasarkan keputusan kajian rintis, beberapa perubahan telah dilakukan terhadap soalan selidik termasuklah memperincikan lagi indikator yang digunakan. Hasilnya, untuk mengukur tahap kesejahteraan keluarga di negara ini, kajian ini telah mengenal pasti sebanyak 24 indikator yang meliputi tujuh domain.

| DOMAIN | INDIKATOR |
|---|---|
| **Hubungan Kekeluargaan** | 1. Penglibatan ibu bapa<br>2. Daya tahan keluarga<br>3. Kefungsian keluarga<br>4. Masa bersama keluarga<br>5. Imbangan kerja dan keluarga*<br>6. Hubungan suami/isteri*<br>7. Hubungan dengan ibu bapa |
| **Ekonomi Keluarga** | 1. Taraf hidup keluarga<br>2. Situasi ekonomi keluarga<br>3. Tabungan masa depan<br>4. Beban hutang |
| **Kesihatan Keluarga** | 1. Amalan kesihatan keluarga<br>2. Tahap kesihatan keluarga<br>3. Pengurusan stres |
| **Keselamatan Keluarga** | 1. Pengetahuan kecemasan<br>2. Rasa selamat dalam rumah<br>3. Keselamatan keluarga |
| **Keluarga Dan Komuniti** | 1. Kerjasama dalam komuniti<br>2. Hubungan dengan komuniti<br>3. Penglibatan dalam komuniti |
| **Keluarga Dan Agama/ Kerohanian** | 1. Peranan agama<br>2. Amalan kerohanian |
| **Perumahan Dan Persekitaran** | 1. Kemudahan asas<br>2. Tahap pencemaran |

*Nota: * Tidak terlibat untuk pengiraan IKK (Anak)*

## PENEMUAN KAJIAN INDEKS KESEJAHTERAAN KELUARGA

### Profil Responden

Kajian ini telah dijalankan ke atas 2,808 buah isi rumah yang melibatkan sejumlah 5,616 orang responden, yang terdiri daripada 1,484 orang responden lelaki, 1,324 orang responden perempuan dan 2,808 orang responden anak remaja berumur antara 13 hingga 24 tahun. Pemilihan isi rumah di dalam kajian ini telah dibantu oleh Jabatan Perangkaan Malaysia iaitu dengan menggunakan kaedah pensampelan rawak berstrata dan dilakukan secara temubual bersemuka.

Taburan responden menunjukkan bahawa 62 peratus keluarga tinggal di kawasan bandar dan majoriti daripada mereka berstatus masih berkahwin (93.2%). Didapati sebanyak 81.2 peratus daripada keluarga yang diliputi adalah daripada keluarga asas. Ini diikuti oleh keluarga luas (14.8%), keluarga tunggal (3.3%) dan keluarga gabungan (0.7%). Lebih 60 peratus daripada isi rumah yang diliputi adalah daripada keluarga Melayu diikuti Cina (28.3%), India (9.8%) dan Lain-lain (1.0%). Taburan responden mengikut bilangan ahli isi rumah mendapati 67 peratus daripada mereka mempunyai bilangan ahli isi rumah antara empat hingga enam orang ahli dan lebih 60 peratus daripada mereka mempunyai anak remaja yang berumur antara 13-15 tahun. Berkenaan dengan pendapatan isi rumah, hampir separuh daripada mereka mempunyai pendapatan isi rumah tidak lebih daripada RM2,000 sebulan. Taburan responden ibu bapa mengikut kategori umur mendapati hampir separuh daripada mereka berada dalam lingkungan umur 41 hingga 50 tahun (47.2%). Taburan responden remaja mengikut kategori umur pula mendapati 45.6 peratus mereka berumur 13 hingga 17 tahun dan selebihnya adalah berumur di antara 18 hingga 24 tahun.



## Indeks Kesejahteraan Keluarga

Pembangunan Indeks Kesejahteraan Keluarga telah memfokuskan kepada kesejahteraan subjektif di mana setiap responden diminta untuk memberi penilaian mengenai aspek-aspek tertentu berkaitan keluarga mereka. Indeks Kesejahteraan Keluarga menggunakan skor 10 sebagai skor maksimum. Semakin tinggi nilai skor yang diperolehi, maka semakin baik tahap kesejahteraan keluarga di negara ini. Untuk mendapatkan Indeks Kesejahteraan Keluarga, purata skor bagi semua tujuh domain dikira. Skor domain diperolehi melalui purata skor bagi kesemua indikator yang terdapat dalam sesuatu domain.

Melalui kajian ini, didapati Indeks Kesejahteraan Keluarga (Ibu bapa) yang dicatatkan adalah 7.55 pada skor maksimum 10. Daripada tujuh domain yang telah dikenal pasti, didapati domain Keluarga Dan Agama/Kerohanian mencatatkan skor domain tertinggi iaitu 8.25. Ini diikuti oleh skor domain Keluarga Dan Komuniti (7.83), Hubungan Kekeluargaan (7.82), Keselamatan Keluarga (7.39), Kesihatan Keluarga (7.38), Perumahan Dan Persekitaran (7.28), dan Ekonomi Keluarga (6.90). Hasil temubual terhadap remaja berumur 13 hingga 24 tahun, didapati Indeks Kesejahteraan Keluarga (Anak) yang dicatatkan adalah 7.70 pada skor maksimum 10. Daripada tujuh domain yang telah dikenal pasti, didapati domain Keluarga Dan Agama/Kerohanian mencatatkan skor kesejahteraan tertinggi iaitu 8.18. Ini diikuti oleh domain Hubungan Kekeluargaan (7.90), Keselamatan Keluarga (7.66), Ekonomi Keluarga (7.65), Keluarga Dan Komuniti (7.65), Kesihatan Keluarga (7.61), dan Perumahan Dan Persekitaran (7.29).

## KESIMPULAN

Berdasarkan penemuan kajian ini, antara cadangan untuk meningkatkan kesejahteraan keluarga di negara ini adalah seperti berikut:

1. Perkhidmatan dan program yang membantu keluarga untuk menjadi lebih resilien atau berkemampuan untuk menangani cabaran semasa harus diperluaskan. Program sebegini lebih merupakan latihan kemahiran yang perlu untuk membantu individu menjadi ibu bapa yang lebih bertanggungjawab, berkemahiran dan mantap dalam menguruskan rumah tangga dan keluarga. Ini juga dapat menangani aspek kekeluargaan yang lain seperti masa yang perlu diluangkan bersama ahli keluarga, gaya hidup sihat, dan mengimbangi tuntutan kerja dan keluarga.

2. Perkhidmatan sokongan/bantuan kewangan, contohnya kaunseling kewangan, harus mudah didapati dan diakses oleh keluarga yang menghadapi cabaran dan masalah kewangan.

3. Projek-projek komuniti harus mudah didapati dan diakses, terutamanya kepada mereka di kawasan bandar kerana projek seperti ini dapat memberi sokongan, semangat kekitaan dan kejiranan.

4. Pelaksanaan kajian secara berterusan setiap 3 tahun pada skala liputan yang lebih besar pada masa hadapan, pembangunan program dan perkhidmatan intervensi baru serta perluasan program-program intervensi sedia ada.




IBU



LAPORAN KAJIAN
Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia 2011

# BAB SATU Pengenalan

1.1 Pendahuluan
1.2 Isu Dan Cabaran Institusi Keluarga Di Malaysia
1.3 Kesejahteraan Keluarga
1.4 Kepentingan Kajian
1.5 Objektif Kajian
1.6 Limitasi Kajian



## 1.1 Pendahuluan

Dalam beberapa dekad kebelakangan ini, Malaysia telah dan sedang mengalami proses pembangunan sosial dan ekonomi yang pesat. Ini adalah susulan daripada dasar-dasar yang dilaksanakan oleh Kerajaan seperti Dasar Pembangunan Baru (1991-2000), Dasar Wawasan Negara (2001-2010) dan Program Transformasi Kerajaan (2010-2020) yang kesemuanya berperanan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju dan berdaya saing. Walau bagaimanapun, proses ini saban hari telah menambahkan tuntutan ke atas institusi keluarga melalui peranan dan cabaran yang dihadapi oleh keluarga itu sendiri.

Bagi mengimbangi proses pembangunan ekonomi dan sosial yang pesat ini, institusi keluarga perlu dimantapkan. Ini adalah penting kerana keluarga merupakan unit asas sosial yang menyedia dan membekalkan sumber modal insan untuk pembangunan negara. Keluarga merupakan tempat anak-anak dibesarkan untuk menjadi ahli masyarakat yang berguna dan sekiranya ia bermasalah maka parahlah masyarakat tersebut. Pada masa yang sama juga, terdapat peningkatan dalam kadar dan jenis masalah yang berkait dengan keluarga seperti kehamilan luar nikah dalam kalangan remaja, pembuangan bayi, pengabaian dan penderaan kanak-kanak, keganasan dalam rumahtangga dan pembubaran perkahwinan.

Melihat kepada kepentingan keluarga dan kesejahteraan keluarga bagi masa depan negara, satu set indikator bagi mengukur kesejahteraan keluarga masyarakat majmuk Malaysia perlu dibangunkan. Usaha ini amat diperlukan kerana maklumat tentang keadaan kesejahteraan keluarga di negara ini amat kurang. Oleh itu, kajian ini akan mengenal pasti indikator-indikator yang sesuai yang boleh memberikan maklumat tentang keadaan kesejahteraan keluarga Malaysia

dan seterusnya, berasaskan indikator-indikator yang dikenal pasti, satu Indeks Kesejahteraan Keluarga akan dihasilkan.

## 1.2 Isu Dan Cabaran Institusi Keluarga Di Malaysia

Berdasarkan agama dan undang-undang negara, pembentukan keluarga di Malaysia bermula dengan perkahwinan yang sah. Namun, kini terdapat tren untuk melewatkan perkahwinan terutama dalam kalangan penduduk muda. Berpandukan penemuan Banci 1990, 2000 dan 2010, min umur perkahwinan pertama bagi wanita telah meningkat daripada 24.7 tahun kepada 25.1 tahun dan 25.7 tahun pada 2010. Sebaliknya, min umur perkahwinan pertama bagi lelaki terdapat sedikit peningkatan iaitu daripada 28.2 tahun pada tahun 1991 kepada 28.6 tahun pada tahun 2000 dan menurun sedikit kepada 28.0 tahun pada tahun 2010 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2011). Senario berkahwin lewat akan memberi implikasi kepada pembentukan keluarga, struktur keluarga dan penjagaan anak.

Pembangunan dan cabaran kehidupan moden masa kini turut mewujudkan kepelbagaian bentuk keluarga baru. Di antara bentuk keluarga baru yang dikenal pasti kini adalah 'keluarga komuter' di mana salah seorang pasangan tinggal di satu tempat yang lain dan mereka berjumpa sekali atau dua kali dalam seminggu, sekali sebulan dan sebagainya bergantung pada jurang jarak antara pasangan disebabkan oleh komitmen kerja ataupun sebab tertentu. Di samping itu, 'keluarga sandwich' juga merupakan satu bentuk keluarga baru yang telah dikenal pasti dalam masyarakat Malaysia. Bentuk keluarga ini merupakan pasangan yang perlu menanggung anak dan menjaga ibu bapa yang tinggal bersama. Situasi ini dijangka akan menjadi lebih serius terutamanya bagi pasangan muda dwi-kerja yang kurang mempunyai sumber mencukupi dalam mengurus keperluan anak-anak dan ibu bapa mereka dalam masa yang sama.

Keluarga dwi-kerja turut menghadapi cabaran besar dalam mengimbangi antara kerja dengan keluarga. Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Ke-4 (KPKM-4) yang dilaksanakan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) mendapati hampir 50 peratus daripada mereka mengharapkan agar majikan mereka



menyediakan pusat penjagaan kanak-kanak di tempat kerja di samping peruntukan cuti khas untuk menjaga anak serta mengharapkan pemberian subsidi untuk menampung kos penjagaan anak (LPPKN, 2008).

Selain daripada cabaran institusi keluarga, isu-isu sosial yang melanda di setiap peringkat perkembangan manusia daripada kanak-kanak sehinggalah warga emas juga perlu diberi perhatian. Dapat diperhatikan bahawa setiap kitaran di dalam sesebuah institusi keluarga mempunyai isu dan cabaran yang tersendiri. Daripada peringkat kanak-kanak seperti isu penderaan dan pengabaian sehinggalah isu warga emas seperti kesunyian, cabaran yang wujud secara tidak langsung memberi kesan kepada kestabilan sesebuah institusi keluarga.

Berdasarkan isu dan cabaran yang dihadapi oleh keluarga Malaysia kini, dapat dirumuskan bahawa pembentukan, struktur dan peranan institusi keluarga di Malaysia akan terus berubah sejajar dengan modenisasi dan urbanisasi penduduk di samping perubahan sikap terhadap perkahwinan dan kekeluargaan. Menyedari akan hakikat

ini, institusi keluarga di Malaysia perlu diberi perhatian yang khusus dan berterusan demi meningkatkan kesejahteraan institusi keluarga.

## 1.3 Kesejahteraan Keluarga

Salah satu cabaran terbesar dalam kajian ini adalah untuk mendefinisikan istilah kesejahteraan keluarga kerana terdapat pelbagai versi definisi kesejahteraan keluarga. Definisi LPPKN adalah seperti berikut, "Kesejahteraan keluarga merujuk kepada keadaan keluarga di suatu negara yang berada pada tahap yang selamat, sihat, damai, selesa, harmoni dan memuaskan" (LPPKN, 2010). Definisi ini merangkumi pelbagai aspek kepuasan dan keselesaan dari segi kerohanian, ekonomi/kewangan, mental, psikososial (terutamanya hubungan kekeluargaan yang rapat dan erat), kesihatan, persekitaran sosial, politik dan lestari. Kesejahteraan keluarga juga bergantung kepada atau berkait rapat dengan hak, tanggungjawab, rasa hormat dan martabat seseorang dalam sebuah keluarga.

Menurut Families Australia (2006), kesejahteraan keluarga merangkumi empat elemen utama; pertama, keselamatan fizikal serta kesihatan fizikal dan mental; kedua, sokongan hubungan intra-keluarga yang merangkumi kemahiran resolusi konflik yang berkesan, penerapan nilai murni, tradisi, bahasa, perkongsian idea, penerimaan sokongan dan dorongan untuk pencapaian keluarga; ketiga, hubungan sosial di luar keluarga dan ke empat, jaminan ekonomi.

Menurut Frey, Greenberg dan Fewell (1989), domain kesejahteraan keluarga merangkumi dimensi struktur organisasi keluarga, hubungan interpersonal, status psikologi ibu bapa dan efikasi kendiri ibu bapa. Struktur organisasi keluarga merujuk kepada keeratan, keharmonian dan keselarasan keluarga mengenai penjagaan, serta luahan perasaan dan konflik. Domain hubungan interpersonal pula merangkumi hubungan keluarga dan hubungan dengan ahli keluarga lain serta teman-teman. Status psikologi ibu bapa pula merujuk kepada status kesihatan ibu bapa dan efikasi kendiri ibu bapa ditakrifkan sebagai kecekapan ibu bapa dalam menangani masalah anak-anak mereka.

Daripada definisi-definisi ini, dapat dilihat bahawa "kesejahteraan keluarga" adalah sebuah konsep yang multi-dimensi, yang merangkumi pelbagai aspek keadaan hidup seseorang individu atau sebuah keluarga. Ia melibatkan pembangunan diri individu dan keluarga yang seimbang dari segi fizikal, kerohanian, ekonomi, sosial dan mental. Di samping itu, ia juga menekankan akses kepada keperluan asas dan kemudahan seperti tempat tinggal yang selesa, sekolah yang berkualiti, penjagaan kesihatan dan persekitaran yang selamat. Hubungan antara ahli keluarga seperti cara keluarga berkomunikasi, menyelesaikan masalah, bertindak dan mendidik anak juga termasuk dalam konsep ini.



## 1.4 Kepentingan Kajian

Pengukuran kesejahteraan keluarga dianggap penting kerana secara tidak langsung ia dapat mengukur kesan pelaksanaan dasar-dasar pembangunan sosial dan ekonomi negara ke atas keluarga serta keberhasilannya. Setakat ini, tidak ada satu pengukuran yang boleh menggambarkan keadaan kesejahteraan keluarga di Malaysia, dan seterusnya memantau keadaan keluarga dari semasa ke semasa.

Indikator-indikator terpilih yang dapat menentukan kesejahteraan keluarga boleh digunakan sebagai asas atau input bagi merangka dan melaksanakan program pembangunan keluarga, dan seterusnya membantu dalam proses pembangunan negara. Indikator-indikator yang penting ini boleh digunakan dalam memantapkan lagi program-program pembangunan keluarga supaya Dasar Keluarga Negara mampu bergerak seiring dengan pembangunan ekonomi dan bidang-bidang lain dalam negara.

Kajian ini juga boleh dijadikan sebagai kajian penanda aras tentang kesejahteraan keluarga di Malaysia yang mana perbandingan boleh dilaksanakan dari semasa ke semasa. Secara tidak langsung, maklumat yang didapati daripada kajian ini boleh juga digunakan untuk membina satu pangkalan data mengenai kesejahteraan keluarga di Malaysia, yang akan diperkemas dari semasa ke semasa.

## 1.5 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk:

i. Membina satu set indikator bagi mengukur kesejahteraan keluarga;
ii. Menganalisa kesejahteraan keluarga berdasarkan set indikator yang telah dibangunkan;
iii. Menghasilkan Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia; dan
iv. Mengemukakan cadangan kepada pihak Kerajaan bagi meningkatkan kesejahteraan keluarga.

## 1.6 Limitasi Kajian

Limitasi di dalam pelaksanaan kajian ini adalah daripada aspek pensampelan. Limitasi pensampelan dalam kajian ini adalah kerangka sampel yang digunakan adalah berpandukan taburan isi rumah pada tahun 2000 dan keadaan telah menimbulkan kesulitan untuk mendapatkan isi rumah yang memenuhi kriteria kerana faktor mobiliti. Justeru, isi rumah yang memenuhi kriteria dan berdekatan dengan isi rumah yang telah ditetapkan dipilih untuk menggantikan isi rumah tersebut. Di samping itu, perkiraan indeks mengikut negeri tidak dapat dilakukan memandangkan terdapat saiz sampel yang kecil mengikut negeri dalam kajian ini.




SELAMAT HARI IBU



LAPORAN KAJIAN
Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia 2011



# BAB DUA
# Sorotan Literatur Kesejahteraan Keluarga

**2.1** Pendahuluan
**2.2** Skop Strategi Pencarian Maklumat
**2.3** Pemilihan Domain Dan Indikator Kesejahteraan Keluarga
**2.4** Konsep Kesejahteraan Keluarga



## 2.1 Pendahuluan

Tujuan utama sorotan literatur adalah untuk mengenalpasti domain kesejahteraan keluarga dan seterusnya indikator-indikator yang bersesuaian untuk digunakan dalam kajian ini berdasarkan kajian dan laporan penyelidikan yang lepas. Bab ini menerangkan kaedah tinjauan ke atas kajian lepas dilakukan, penyelidikan lepas tentang kesejahteraan, isu-isu dalam pemilihan domain dan indikator kesejahteraan keluarga dan seterusnya membincangkan pemilihan domain dan indikator-indikator bagi kajian ini.

## 2.2 Skop Strategi Pencarian Maklumat

Strategi pencarian maklumat yang digunakan dalam kajian ini adalah berdasarkan pada pencarian literatur dan juga pencarian di laman sesawang. Pencarian ini terbatas pada kajian dan laporan dari tahun 1990 ke atas yang dilaksanakan oleh pengkaji serta dilaksanakan oleh pelbagai negara termasuk Malaysia. Senarai kata kunci yang digunakan dalam pencarian kajian atau laporan berkaitan dalam kajian ini adalah seperti di LAMPIRAN A.

## 2.3 Pemilihan Domain Dan Indikator Kesejahteraan Keluarga

Dalam pemilihan domain dan indikator kesejahteraan keluarga, adalah penting untuk memahami seseorang individu di dalam konteks yang berbeza iaitu keluarga, komuniti dan masyarakat. Kesemua konteks ini saling berkait dan bergantung antara satu sama lain. Dengan yang demikian, pengaruh antara konteks boleh meningkatkan atau menghadkan kesejahteraan sesebuah keluarga.

Kajian-kajian lepas jelas menunjukkan bahawa keperluan asas seperti perumahan, pendidikan, pekerjaan, pendapatan, kesihatan, keselamatan dan hubungan merupakan domain

utama dalam menentukan kesejahteraan individu dan keluarga (Cummins et al., 2003; Milligan, 2006; Zubrick et al., 2000). Hanya selepas keperluan asas ini dipenuhi pengukuran kesejahteraan yang lebih bersifat subjektif seperti resiliensi/daya tahan, cara keluarga berfungsi dan kepuasan diambil kira. Kajian juga menunjukkan domain tambahan lain seperti budaya, kerohanian dan rekreasi mampu memberi petunjuk kepada tahap kesejahteraan.

Berdasarkan penemuan kajian-kajian lepas, domain yang dikenal pasti dalam kajian ini adalah seperti berikut:

## Hubungan Kekeluargaan

Domain ini merujuk kepada hubungan antara ahli keluarga yang dilihat daripada tiga aspek iaitu pertama, sebagai unit biologi di mana ahlinya mempunyai hubungan darah dan diterjemahkan melalui perkahwinan serta merangkumi keluarga luas; kedua, sebagai unit sosial yang terdiri daripada sebilangan individu yang menetap dalam rumah yang sama dan berkongsi tugas dan fungsi sosial yang berbeza; dan ketiga, sebagai unit psikologi yang merujuk kepada ikatan emosi dan perasaan peribadi ahli-ahlinya (Palanivel, 2004).

Definisi ini merangkumi hubungan antara ibu bapa dan anak-anak, hubungan antara ahli keluarga, masa yang diluangkan bersama keluarga, pengetahuan serta kemahiran yang ada pada ibu bapa untuk mendidik anak-anak (Families Australia, 2006; Zubrick et al., 2000). Di antara kemahiran yang penting adalah komunikasi yang positif, pemantauan dan penyeliaan, menetapkan peraturan, penyelesaian masalah, pembuatan keputusan dan menyediakan aktiviti yang bersesuaian dengan umur anak-anak. Di samping itu, mengetahui di mana anak-anak berada, dengan siapa mereka bersama dan apa yang mereka lakukan juga merupakan maklumat penting untuk memantau dan mengawasi tingkah laku mereka (Zubrick et al., 2000).

## Ekonomi Keluarga

Situasi ekonomi keluarga yang kukuh amat penting bagi kesejahteraan keluarga seperti yang ditunjukkan dalam kajian-kajian yang lepas. Kemiskinan keluarga bukan hanya bererti kesusahan dalam masa jangka pendek tetapi juga menggambarkan keadaan keluarga untuk suatu jangka yang panjang. Contohnya, kanak-kanak yang dibesarkan dalam persekitaran keluarga miskin lebih berkemungkinan akan mengalami masalah dalam perkembangan dan kesihatan mereka (Bradshaw & Richardson, 2009; Duncan & Brooks-Gunn, 1997) dan lebih cenderung terjerumus ke dalam pelbagai masalah sosial (Belfield & Levin, 2007).

Secara umumnya, indikator ekonomi yang sering digunakan dalam mengukur kesejahteraan adalah pekerjaan dan pendapatan. Walau bagaimanapun, dalam kajian ini pengukuran subjektif digunakan untuk mengukur domain ekonomi keluarga iaitu situasi ekonomi, jaminan ekonomi, beban hutang dan taraf hidup.

## Kesihatan Keluarga

Kesihatan merupakan domain yang penting dalam menentukan kesejahteraan keluarga kerana ia dianggap sebagai keperluan asas bagi kesejahteraan keluarga (Berger-Schmitt & Jankowitsch, 1999; Bradshaw & Richardson, 2009; Zubrick et al, 2000). Kesihatan merujuk kepada kesejahteraan fizikal, mental dan sosial, bukan semata-mata ketiadaan penyakit (World Health Organization, 2011) dan definisi ini digunakan dalam kajian ini.

## Keselamatan Keluarga

Isu keselamatan semakin penting dalam masyarakat semasa kerana salah satu akibat negatif pembangunan sosial yang pesat adalah peningkatan dalam kadar jenayah, seperti pecah rumah, rompakan, rogol, pembunuhan dan sebagainya yang boleh menjejaskan keselamatan keluarga secara langsung. Dengan yang demikian, indikator-indikator yang ditekankan dalam domain ini meliputi aspek rasa selamat dan pengetahuan respon kecemasan.

## Keluarga Dan Komuniti

Corak kehidupan semasa yang kian mencabar menuntut ibu bapa supaya mencari dan mendapatkan sokongan yang mampu membantu keluarga mereka. Kajian lepas menunjukkan keluarga yang mempunyai akses kepada rangkaian sokongan dan perkhidmatan komuniti yang efektif akan menjadi lebih sejahtera dan kurang bermasalah (A Roadmap to Child and Family Well-being, 2010).

Penglibatan dalam komuniti dapat membantu institusi keluarga menerusi pengukuhan nilai-nilai sosial dan budaya serta memantau mahupun mengawasi ahli-ahlinya. Berdasarkan tren terkini, kebanyakan keluarga Malaysia kini tidak lagi mempunyai sokongan daripada keluarga luas. Dengan yang demikian, komuniti menjadi alternatif yang paling baik bagi keluarga untuk mendapatkan sokongan serta dapat memupuk semangat kekitaan. Dalam kajian ini, domain hubungan komuniti diukur melalui penglibatan keluarga dalam komuniti.

## Keluarga Dan Agama/Kerohanian

Tidak banyak kajian lepas yang mengukur domain ini kerana ia tidak dianggap begitu ketara dalam menentukan kesejahteraan keluarga. Walau bagaimanpun, dalam masyarakat timur yang berpegang teguh kepada budaya, agama dan nilai-nilai murni, domain ini dianggap penting. Contohnya, ramai yang beranggapan bahawa gejala sosial yang semakin berleluasa dalam masyarakat adalah disebabkan didikan agama yang tidak mencukupi. Nilai-nilai murni yang diterapkan menerusi agama yang dianuti dalam kehidupan penganutnya supaya berakhlak mulia tidak lagi diamalkan. Justeru, dalam kajian ini aspek keagamaan dan nilai-nilai murni turut diambil kira.

## Perumahan Dan Persekitaran

Menurut Disney (2006), keluarga memerlukan persekitaran perumahan yang memenuhi piawaian iaitu penyediaan akses kepada peluang pekerjaan dan perkhidmatan masyarakat serta mampu diperolehi dengan kos yang berpatutan. Sekiranya sesebuah keluarga membelanjakan lebih daripada 30 peratus pendapatan keseluruhan untuk perumahan, maka kemampuan institusi keluarga untuk berfungsi akan terjejas. Ini kerana pada masa yang sama keluarga perlu memperuntukkan pendapatan bagi kesihatan, pendidikan, pemakanan dan keperluan hidup harian yang lain (Yates & Milligan, 2007).

Kajian-kajian ke atas jenis rumah menunjukkan bahawa keluarga yang tinggal di kawasan pangsapuri mampu memudaratkan kesejahteraan psikologi keluarga, terutama ibu-ibu yang mempunyai anak-anak kecil. Keadaan ini akan mengakibatkan pengasingan sosial, kekurangan akses kepada ruang mainan yang menggalakkan interaksi sosial atau kombinasi faktor-faktor ini (Evans, Wells & Pensjonaty, 2003). Dalam kajian ini, domain ini diukur melalui penilaian mereka terhadap kawasan perumahan dan pencemaran yang berlaku.



## 2.4 Konsep Kesejahteraan Keluarga

Berdasarkan tinjauan literatur mengenai domain dan indikator kesejahteraan keluarga, kesejahteraan keluarga adalah multi-dimensi yang menggabungkan Hubungan Kekeluargaan, Ekonomi Keluarga, Kesihatan Keluarga, Keselamatan Keluarga, Keluarga Dan Komuniti, Keluarga Dan Agama/Kerohanian serta Perumahan Dan Persekitaran. Konsep Kesejahteraan Keluarga yang digunakan untuk kajian ini adalah seperti Rajah 1.

***Rajah 1 : Konsep Kesejahteraan Keluarga***







LAPORAN KAJIAN
Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia 2011

# BAB TIGA Metodologi

**3.1** Sampel Kajian
**3.2** Kaedah Pembangunan Domain Dan Indikator
**3.3** Instrumen Dan Pengukuran
**3.4** Analisis Data

## 3.1 Sampel Kajian

Rangka pensampelan bagi kajian ini adalah berasaskan kepada Rangka Pensampelan Isi Rumah Kebangsaan (RPIK), yang terdiri daripada Blok Penghitungan (BP) yang digunapakai semasa Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia, 2000. Pemilihan isi rumah di dalam kajian ini telah dibantu oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Kajian ini menggunakan reka bentuk pensampelan rawak berstrata bagi memilih  ciri-ciri sampel dalam nisbah yang selari dengan taburan mengikut strata iaitu bandar dan luar bandar dan kumpulan etnik iaitu Bumiputera, Cina dan India bagi penduduk setiap negeri. Responden yang terpilih telah ditemubual secara bersemuka.

Bilangan isi rumah yang telah ditentukan dalam kajian ini adalah sebanyak 2,808 buah. Kriteria responden yang terpilih untuk ditemubual untuk setiap isi rumah adalah pertama, suami atau isteri dan kedua, anak yang berumur 13 hingga 24 tahun. Secara keseluruhannya, jumlah responden yang terlibat di dalam kajian ini adalah sebanyak 5,616 orang. Jadual taburan saiz sampel mengikut negeri dilampirkan dalam LAMPIRAN B.

## 3.2 Kaedah Pembangunan Domain Dan Indikator

Di dalam proses membangunkan set indikator, kajian ini telah menggunakan tiga pendekatan utama iaitu tinjauan literatur, perbincangan kumpulan berfokus (PKF) dan kajian rintis.

### 3.2.1 Tinjauan Literatur

Seperti yang telah dibincangkan di Bab 2, tinjauan literatur dilakukan terhadap kajian lepas yang pernah dilaksanakan daripada tahun 1990. Berdasarkan tinjauan tersebut, didapati Kesejahteraan Keluarga adalah suatu konsep multi-dimensi yang merangkumi aspek hubungan kekeluargaan, situasi ekonomi keluarga, kesihatan dan keselamatan keluarga, hubungan komuniti, perumahan dan persekitaran, serta budaya dan agama/kerohanian.

### 3.2.2 Perbincangan Kumpulan Berfokus (PKF)

Dua sesi PKF telah dijalankan iaitu PKF tidak formal dan PKF formal. PKF tidak formal diadakan pada dua masa berlainan bersama dua kumpulan individu yang berbeza. PKF tidak formal pertama yang melibatkan penduduk kawasan kejiranan di Sentul telah dihadiri oleh 10 orang responden yang terdiri daripada tujuh buah keluarga. PKF tidak formal kedua pula telah melibatkan seramai enam orang kakitangan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Sesi PKF formal telah disertai oleh ahli-ahli profesional yang mewakili pelbagai agensi kerajaan seperti Kementerian Kesihatan Malaysia, Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia, Polis, Kementerian Sumber Manusia dan  Dewan Bandaraya Kuala Lumpur manakala badan bukan kerajaan telah diwakili oleh badan seperti Hospis Malaysia, Women's Aid Organisation (WAO), Majlis AIDS Malaysia dan Rumah Silaturrahim Nurul Qana'ah. Dalam PKF ini, responden dibahagikan kepada tiga kumpulan yang berbeza di mana masing-masing disertai oleh tujuh atau lapan responden. Ketiga-tiga sesi ini dijalankan serentak di tiga buah bilik yang berasingan, setiap satu dikendalikan oleh seorang penyelidik dan seorang pembantu penyelidik. Setiap sesi PKF mengambil masa antara satu hingga dua jam. Kesemua sesi dirakamkan dalam pita rakaman.

Soalan-soalan yang telah diajukan semasa PKF adalah:

i. Apakah pemahaman anda tentang istilah 'keluarga'?
ii. Apakah pemahaman anda tentang istilah 'kesejahteraan keluarga'?
iii. Apakah yang merupakan kesejahteraan keluarga?
iv. Apakah cabaran-cabaran yang dihadapi oleh keluarga?
v. Apakah antara indikator-indikator kesejahteraan keluarga?



### 3.2.3 Kajian Rintis

Kajian rintis telah dilakukan ke atas 30 buah isi rumah dari Februari 2011 sehingga Mac 2011. Berdasarkan keputusan kajian rintis, beberapa perubahan telah dilakukan terhadap soalan selidik termasuklah memperincikan lagi indikator yang digunakan. Hasilnya, untuk mengukur tahap kesejahteraan keluarga di negara ini, kajian ini telah mengenal pasti sebanyak 24 indikator yang meliputi 7 domain seperti di Jadual 1.

***Jadual 1 : Domain Dan Indikator Dalam Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia, 2011***

| DOMAIN | INDIKATOR |
|---|---|
| **Hubungan Kekeluargaan** | 1. Penglibatan ibu bapa<br>2. Daya tahan keluarga<br>3. Kefungsian keluarga<br>4. Masa bersama keluarga<br>5. Imbangan kerja dan keluarga*<br>6. Hubungan suami/isteri*<br>7. Hubungan dengan ibu bapa |
| **Ekonomi Keluarga** | 1. Taraf hidup keluarga<br>2. Situasi ekonomi keluarga<br>3. Tabungan masa depan<br>4. Beban hutang |
| **Kesihatan Keluarga** | 1. Amalan kesihatan keluarga<br>2. Tahap kesihatan keluarga<br>3. Pengurusan stres |
| **Keselamatan Keluarga** | 1. Pengetahuan kecemasan<br>2. Rasa selamat dalam rumah<br>3. Keselamatan keluarga |
| **Keluarga Dan Komuniti** | 1. Kerjasama dalam komuniti<br>2. Hubungan dengan komuniti<br>3. Penglibatan dalam komuniti |
| **Keluarga Dan Agama/ Kerohanian** | 1. Peranan agama<br>2. Amalan kerohanian |
| **Perumahan Dan Persekitaran** | 1. Kemudahan asas<br>2. Tahap pencemaran |

*Nota: * Tidak terlibat untuk pengiraan IKK (Anak)*



Kajian **rintis**
telah dilakukan ke atas
**30** buah isi rumah
dari Februari 2011 sehingga Mac 2011

## 3.3 Instrumen Dan Pengukuran

### 3.3.1 Borang Soal Selidik

Kajian Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen untuk mengumpulkan data. Proses pembangunan soal selidik ini telah melibatkan penglibatan pelbagai pihak termasuk kumpulan pakar dan pemegang taruh (stakeholders). Soal selidik yang dibangunkan mempunyai tahap kebolehpercayaan (reliability) yang tinggi dengan Cronbach-Alpha bagi semua pengukuran mempunyai julat daripada 0.75 hingga 0.96.

Borang tersebut terdiri daripada sepuluh seksyen seperti berikut:

i. Pengenalan;
ii. Hubungan kekeluargaan;
iii. Situasi ekonomi;
iv. Kesihatan keluarga;
v. Keselamatan keluarga;
vi. Keluarga dan komuniti;
vii. Keluarga dan agama/kerohanian;
viii. Perumahan dan persekitaran keluarga;
ix. Penilaian kesejahteraan keluarga keseluruhan; dan
x. Maklumat keluarga.

### 3.3.2 Pengukuran Indikator

**Domain Hubungan Kekeluargaan**

**1. Penglibatan Ibu Bapa**
Empat item telah dibina untuk mengukur penglibatan ibu bapa dalam kehidupan anak-anak. Skala 5-item ini menggunakan format Likert Scale iaitu 1=Sangat tidak setuju hingga 5=Sangat setuju di mana semakin tinggi skor yang didapati semakin tinggi penglibatan ibu bapa dalam kehidupan anak-anak mereka.

**2. Daya Tahan Keluarga**
Indikator ini diukur melalui skala 10-item yang meliputi cara keluarga bertindak apabila menghadapi dan menangani krisis. Item-item yang dibina berpandukan kajian-kajian lepas di mana keluarga yang berdaya tahan atau resilien sentiasa bekerjasama menyelesaikan masalah, menggunakan kaedah yang kreatif dan terbuka kepada saranan bersama (Reiss, 1980). Peranan sokongan sosial dan perkaitan antara ahli keluarga juga diutamakan dalam resiliensi keluarga (Garbarino, 1992). Skala ini menggunakan format Likert Scale iaitu 1=Sangat tidak setuju hingga 5=Sangat setuju di mana semakin tinggi skor pada skala tersebut semakin tinggi tahap daya tahan atau resilensi keluarga.

**3. Kefungsian Keluarga**
Indikator ini diukur melalui skala 7-item yang meliputi cara keluarga berkomunikasi dan berhubung dengan satu sama lain. Skala ini menggunakan format Likert Scale iaitu 1=Sangat tidak setuju hingga 5=Sangat setuju. Item-item yang dibina merupakan item berbentuk negatif dan untuk tujuan analisa, item-item tersebut telah ditransformasikan kepada item positif yang mana semakin tinggi skor pada skala tersebut semakin tinggi tahap kefungsian keluarga.

**4. Masa Bersama Keluarga**
Indikator ini diukur melalui masa yang diluangkan bersama ahli keluarga dalam empat aktiviti harian iaitu makan bersama, menonton televisyen, beriadah dan aktiviti keagamaan. Skala bagi kempat-empat item ini menggunakan format Likert Scale iaitu 1=Langsung tidak hingga 5=Selalu dan semakin tinggi skor pada indikator ini semakin banyak masa yang diluangkan bersama keluarga.

**5. Imbangan Kerja Dan Keluarga**
Indikator ini diukur melalui satu soalan subjektif, "Sejauh manakah anda mampu mengimbangi tuntutan kerja dan tuntutan keluarga?" yang menggunakan format Likert Scale iaitu 0=Langsung tidak mampu hingga 10=Sangat mampu. Indikator ini hanya terdapat dalam instrumen bagi mengukur skor kesejahteraan ibu bapa sahaja, di mana ia tidak terdapat dalam instrumen bagi mengukur skor kesejahteraan anak remaja.

**6. Hubungan Suami/Isteri**
Indikator ini diukur melalui satu soalan subjektif, "Sejauh manakah anda berpuas hati dengan hubungan suami/isteri?" yang menggunakan format Likert Scale iaitu 0=Langsung tiada berpuashati hingga 10=Sangat berpuashati. Indikator ini hanya terdapat dalam instrumen bagi mengukur skor kesejahteraan ibu bapa sahaja, di mana ia tidak terdapat dalam instrumen bagi mengukur skor kesejahteraan anak remaja.

### 7. Hubungan Dengan Ibu Bapa

Indikator ini diukur melalui satu soalan subjektif, "Sejauh manakah anda berpuas hati dengan hubungan anda dengan ibu bapa?" yang menggunakan skala respons 11-mata (0="langsung tidak berpuashati" hingga 10="sangat berpuashati". Indikator ini hanya terdapat dalam instrumen bagi mengukur skor kesejahteraan anak remaja sahaja, di mana ia tidak terdapat dalam instrumen bagi mengukur skor kesejahteraan ibu bapa.

## Domain Ekonomi Keluarga

### 1. Taraf Hidup Keluarga

Indikator ini berbentuk subjektif dan ia diukur melalui soalan, "Sejauh manakah anda berpuas hati dengan taraf hidup keluarga anda?"yang menggunakan format Likert Scale iaitu 0=Langsung tidak berpuashati hingga 10=Sangat berpuashati.

### 2. Situasi Ekonomi Keluarga

Indikator ini berbentuk subjektif dan ia diukur melalui soalan, "Sejauh manakah anda berpuas hati dengan keadaan ekonomi keluarga anda?" yang menggunakan format Likert Scale iaitu 0=Langsung tidak berpuashati hingga 10=Sangat berpuashati.

### 3. Tabungan Masa Hadapan

Indikator ini berbentuk subjektif dan ia diukur melalui soalan, "Sejauh manakah keluarga anda menabung untuk masa depan?" yang menggunakan format Likert Scale iaitu 0=Langsung tidak menabung hingga 10=Sangat banyak menabung.

### 4. Beban Hutang

Indikator ini berbentuk subjektif dan ia diukur melalui soalan, "Sejauh manakah keluarga anda mengalami beban hutang yang menggunakan format Likert Scale iaitu 0=Langsung tiada beban hingga 10=Sangat membebankan.

## Domain Kesihatan Keluarga

### 1. Amalan Kesihatan Keluarga

Indikator ini diukur melalui 5-item yang meliputi pemakanan seimbang, senaman, merokok, penggunaan dadah dan pengambilan minuman keras (Cockerham & Glasser, 2001). Item merokok, penggunaan dadah dan minuman keras merupakan item negatif dan untuk tujuan analisa item ini telah ditransformasikan kepada item positif. Skala ini menggunakan format Likert Scale iaitu 1=Langsung tidak hingga 5=Selalu, yang mana semakin tinggi skor pada skala semakin sihat gaya hidup keluarga.

### 2. Tahap Kesihatan Keluarga

Indikator ini diukur melalui soalan, "Sejauh manakah anda berpuas hati dengan kesihatan keluarga anda?" yang menggunakan format Likert Scale iaitu 0=Langsung tidak berpuashati hingga 10=Sangat berpuashati.

### 3. Pengurusan Stres

Indikator ini diukur melalui 5-item yang diadaptasi daripada General Health Questionnaire (Goldberg, 1978) yang digunakan untuk mengukur tahap tekanan/ stres keluarga. Item-item yang terpilih adalah "Tidak dapat tidur kerana risau", "Sering rasa tertekan", "Dapat menikmati aktiviti harian", Rasa dukacita" dan "Hilang keyakinan diri". Item ini juga merupakan item-item negatif dan telah ditransformasikan untuk tujuan analisa. Pengukuran yang digunakan adalah dengan menggunakan format Likert Scale iaitu 1=Tidak sama sekali hingga 5=Sangat lebih daripada biasa di mana semakin tinggi skor pada skala tersebut, semakin tinggi stres yang dialami.

## Domain Keselamatan Keluarga

### 1. Pengetahuan Kecemasan

Indikator ini diukur mengukur pengetahuan mengenai tindakan yang perlu diambil apabila berlaku kecemasan. Diukur dengan menggunakan format Likert Scale iaitu 1=Sangat tidak setuju hingga 5=Sangat setuju, yang mana semakin tinggi skor pada item tersebut semakin tinggi tahap pengetahuan kecemasan.

### 2. Rasa Selamat Dalam Rumah

Indikator ini mengukur keselamatan keluarga semasa berada di dalam rumah. Diukur dengan menggunakan skala Likert 5-mata (1="sangat tidak setuju" hingga 5="sangat setuju"), yang mana semakin tinggi skor pada item tersebut semakin tinggi tahap keyakinan keluarga terhadap keselamatan mereka ketika berada di rumah.

### 3. Keselamatan Keluarga

Indikator ini berbentuk subjektif dan ia diukur melalui soalan, "Sejauh manakah anda berpuas hati dengan keselamatan keluarga anda?" yang menggunakan format Likert Scale iaitu 0=Langsung tidak berpuashati hingga 10=Sangat berpuashati.

## Domain Keluarga Dan Komuniti

### 1. Kerjasama Dalam Komuniti

Indikator ini mengukur pengetahuan keluarga mengenai individu yang perlu dihubungi di dalam komuniti apabila memerlukan bantuan di mana diukur dengan menggunakan format Likert Scale iaitu 1=Sangat tidak setuju hingga 5=Sangat setuju.

### 2. Hubungan Dengan Komuniti

Indikator ini diukur melalui soalan "Sejauh manakah anda berpuas hati dengan hubungan komuniti anda?" yang menggunakan format Likert Scale iaitu 0=Langsung tidak berpuashati hingga 10=Sangat berpuashati.

### 3. Penglibatan Dalam Komuniti

Indikator ini mengukur penyertaan keluarga dalam aktiviti kejiranan yang diukur dengan menggunakan format Likert Scale iaitu 1=Sangat tidak setuju hingga 5=Sangat setuju.

## Domain Keluarga Dan Agama/Kerohanian

### 1. Peranan Agama

Indikator ini diukur melalui satu item, "Agama memainkan peranan penting dalam kehidupan seharian keluarga kami" dengan menggunakan format Likert Scale iaitu 1=Sangat tidak setuju hingga 5=Sangat setuju.

### 2. Amalan Kerohanian

Indikator ini diukur melalui satu item, "Sejauh manakah anda berpuas hati dengan amalan keagamaan dan kerohanian keluarga anda?" yang menggunakan format Likert Scale iaitu 0=Langsung tidak berpuashati hingga 10=Sangat berpuashati.

## Domain Perumahan Dan Persekitaran

### 1. Kemudahan Asas

Indikator ini diukur melalui satu item, "Sejauh manakah anda berpuas hati dengan kemudahan asas dalam kawasan perumahan anda?" yang menggunakan format Likert Scale iaitu 0=Langsung tidak berpuashati hingga 10=Sangat berpuashati.

### 2. Tahap Pencemaran

Indikator ini diukur melalui satu item, "Sejauh manakah anda berpuas hati dengan tahap pencemaran di persekitaran anda?" yang menggunakan format Likert Scale iaitu 0=Langsung tidak berpuashati hingga 10=Sangat berpuashati.



## 3.4 Analisis Data

Analisis deskriptif dijalankan bagi menghuraikan ciri responden dan variabel kajian. Memandangkan terdapat beberapa jenis format likert scale yang menggunakan pengukuran yang berbeza, skor-skor yang diperolehi telah diselaraskan (normalisation) kepada 10 point scale menggunakan kaedah Min-Max (OECD, 2008). Ini bertujuan untuk penyeragaman analisa dan interpretasi data.

Seterusnya, untuk mendapatkan Indeks Kesejahteraan Keluarga, purata skor bagi semua tujuh domain dikira. Skor domain diperolehi melalui purata skor bagi ke semua indikator yang terdapat dalam sesuatu domain. Indeks Kesejahteraan Keluarga menggunakan skor 10 sebagai skor maksimum. Semakin tinggi nilai skor yang diperolehi, maka semakin baik tahap kesejahteraan keluarga di negara ini. Berikut adalah formula bagi pengiraan skor indikator, skor domain dan Indeks Kesejahteraan Keluarga (Rajah 2).

***Rajah 2: Formula Pengiraan Indeks Kesejahteraan Keluarga (IKK)***

Skor Indikator : $\sum_{I=1}\left[\frac{M_1 - M_s}{R}\right] \times 10$

Skor Domain : $\left[\frac{\sum Skor\,Indikator}{N\ Indikator}\right]$

Skor Indeks : $\frac{\sum Skor\,Domain}{N\ Domain}$

Petunjuk

$\sum$ : **Jumlah Skor**

$M_1$ : Min/ Purata Skor

$M_S$ : Skor Minimum

R : Julat (Skor maksimum − Skor minimum)

N : Bilangan

10 : Nilai min tertinggi dianggar







LAPORAN KAJIAN
Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia 2011



# BAB EMPAT
# Penemuan Kajian (Ibu Bapa)

**4.1** Profil Responden
**4.2** Kesejahteraan Keluarga Mengikut Domain (Ibu Bapa)
**4.3** Indeks Kesejahteraan Keluarga (Ibu Bapa)
**4.4** Lain-lain Penemuan

## 4.1 Profil Responden

### 4.1.1 Latar Belakang Responden

Daripada sejumlah 2,808 isi rumah atau keluarga yang telah diliputi, kajian ini telah berjaya menemubual seramai 1,484 responden lelaki dan 1,324 responden perempuan. Lebih separuh daripada keluarga yang terlibat dalam kajian ini adalah tinggal di kawasan bandar (62.0%). Majoriti responden ibu bapa adalah berstatus masih berkahwin (93.2%), diikuti balu/ duda (3.7%) dan bercerai (3.0%). Taburan responden ibu bapa mengikut kategori umur mendapati hampir separuh daripada mereka berada dalam lingkungan umur 41 hingga 50 tahun (47.2%) dan 28 peratus berumur di antara 51 hingga 60 tahun.

***Rajah 3 : Taburan Isi Rumah Mengikut Strata***




***Rajah 4 : Status Perkahwinan Responden***




***Rajah 5 : Kategori Umur Responden***



### 4.1.2 Struktur Keluarga

Didapati lebih 60 peratus daripada isi rumah yang diliputi adalah daripada keluarga Melayu diikuti Cina (28.3%), India (9.8%) dan Lain-lain (1.0%). Jenis keluarga yang terlibat dalam kajian ini menunjukkan sebanyak 81.2 peratus daripada keluarga yang diliputi adalah daripada keluarga asas. Ini diikuti oleh keluarga luas (14.8%), keluarga tunggal (3.3%). Kajian ini turut melibatkan keluarga gabungan (0.7%) iaitu keluarga yang mempunyai ibu atau bapa tiri dan anak tiri. Taburan responden mengikut bilangan ahli isi rumah mendapati 67 peratus daripada mereka mempunyai bilangan ahli isi rumah antara empat hingga enam orang ahli dan lebih 60 peratus daripada mereka mempunyai anak remaja yang berumur antara 13-15 tahun. Berkenaan dengan pendapatan isi rumah, hampir separuh daripada mereka mempunyai pendapatan isi rumah tidak lebih daripada RM2,000 sebulan (Jadual 2).

***Jadual 2 : Taburan Responden Mengikut Ciri-ciri Sosio-Demografi***

| | Profil | N | % |
|---|---|---|---|
| **Etnik** | Melayu | 1,713 | 61.0 |
| | Cina | 794 | 28.3 |
| | India | 274 | 9.8 |
| | Lain-lain | 27 | 1.0 |
| | **Jumlah** | **2,808** | **100.0** |
| **Jenis Keluarga** | Asas | 2,281 | 81.2 |
| | Luas | 415 | 14.8 |
| | Tunggal | 93 | 3.3 |
| | Gabungan | 19 | 0.7 |
| | **Jumlah** | **2,808** | **100.0** |
| **Bilangan Ahli Isi Rumah** | 0-3 | 316 | 11.3 |
| | 4-6 | 1,881 | 67.0 |
| | 7 dan lebih | 611 | 21.8 |
| | **Jumlah** | **2,808** | **100.0** |
| **Pendapatan Isi Rumah (RM)** | 2,000 dan ke bawah | 1,340 | 47.7 |
| | 2,001-4,000 | 857 | 30.5 |
| | 4,001-7,000 | 415 | 14.8 |
| | 7,001-10,000 | 120 | 4.3 |
| | 10,001 dan ke atas | 76 | 2.7 |
| | **Jumlah** | **2,808** | **100.0** |

## 4.2 Kesejahteraan Keluarga Mengikut Domain (Ibu Bapa)

### 4.2.1 Domain Hubungan Kekeluargaan

Domain Hubungan Kekeluargaan mengandungi enam indikator yang terdiri daripada Penglibatan Ibu Bapa, Daya Tahan Keluarga, Kefungsian Keluarga, Masa Bersama Keluarga, Imbangan Kerja Dan Keluarga dan Hubungan Suami/Isteri. Skor keseluruhan untuk domain Hubungan Kekeluargaan adalah 7.82.

***Rajah 6 : Skor Domain Hubungan Kekeluargaan Mengikut Indikator***




***Rajah 7 : Skor Domain Hubungan Kekeluargaan Mengikut Ciri-ciri Responden***



### 4.2.2 Domain Ekonomi Keluarga

Domain Ekonomi Keluarga yang terdiri daripada empat indikator iaitu Taraf Hidup Keluarga, Situasi Ekonomi Keluarga, Tabungan Masa Hadapan dan Beban Hutang. Skor keseluruhan untuk domain Ekonomi Keluarga adalah 6.90.

***Rajah 8 : Skor Domain Ekonomi Keluarga Mengikut Indikator***




***Rajah 9 : Skor Domain Ekonomi Keluarga Mengikut Ciri-ciri Responden***



### 4.2.3 Domain Kesihatan Keluarga

Domain Kesihatan Keluarga mempunyai tiga indikator yang terdiri daripada Amalan Kesihatan Keluarga, Tahap Kesihatan Keluarga dan Pengurusan Stres. Skor keseluruhan untuk domain Kesihatan Keluarga adalah 7.38.

***Rajah 10 : Skor Domain Kesihatan Keluarga Mengikut Indikator***




***Rajah 11 : Skor Domain Kesihatan Keluarga Mengikut Ciri-ciri Responden***



### 4.2.4 Domain Keselamatan Keluarga

Domain Keselamatan Keluarga mempunyai tiga indikator yang terdiri daripada Pengetahuan Kecemasan, Rasa Selamat Dalam Rumah dan Keselamatan Keluarga. Skor keseluruhan untuk domain Keselamatan Keluarga adalah 7.39.

***Rajah 12 : Skor Domain Keselamatan Keluarga Mengikut Indikator***




***Rajah 13 : Skor Domain Kesihatan Keluarga Mengikut Ciri-ciri Responden***



### 4.2.5 Domain Keluarga Dan Komuniti

Domain Keluarga Dan Komuniti mempunyai tiga indikator yang terdiri daripada Kerjasama Dalam Komuniti, Hubungan Dengan Komuniti dan Penglibatan Dalam Komuniti. Skor keseluruhan untuk domain Keluarga Dan Komuniti adalah 7.83.

***Rajah 14 : Skor Domain Keluarga Dan Komuniti Mengikut Indikator***




***Rajah 15 : Skor Domain Keluarga Dan Komuniti Mengikut Ciri-ciri Responden***



### 4.2.6 Domain Keluarga Dan Agama/Kerohanian

Domain Keluarga Dan Agama/Kerohanian mempunyai dua indikator yang terdiri daripada Peranan Agama dan Amalan Kerohanian. Skor keseluruhan untuk domain Keluarga Dan Agama/Kerohanian adalah 8.25.

***Rajah 16 : Skor Domain Keluarga Dan Agama/Kerohanian Mengikut Indikator***




***Rajah 17 : Skor Domain Keluarga Dan Agama/Kerohanian Mengikut Ciri-ciri Responden***



### 4.2.7 Domain Perumahan Dan Persekitaran

Domain Perumahan Dan Persekitaran mempunyai dua indikator yang terdiri daripada Kemudahan Asas dan Tahap Pencemaran. Skor keseluruhan untuk domain Perumahan Dan Persekitaran adalah 7.28.

***Rajah 18 : Skor Domain Perumahan Dan Persekitaran Mengikut Indikator***




*(N=2,808; Skala 1-10)*

***Rajah 19 : Skor Domain Perumahan Dan Persekitaran Mengikut Ciri-ciri Responden***



## 4.3 Indeks Kesejahteraan Keluarga (Ibu Bapa)

Melalui kajian ini, didapati Indeks Kesejahteraan Keluarga (Ibu bapa) yang dicatatkan adalah 7.55 pada skor maksimum 10. Daripada tujuh domain yang telah dikenal pasti, didapati domain Keluarga Dan Agama/Kerohanian mencatatkan skor kesejahteraan tertinggi iaitu 8.25. Ini diikuti oleh domain Keluarga Dan Komuniti (7.83), Hubungan Kekeluargaan (7.82), Keselamatan Keluarga (7.39), Kesihatan Keluarga (7.38), Perumahan Dan Persekitaran (7.28) dan Ekonomi Keluarga (6.90) (Rajah 13).

***Rajah 20 : Indeks Kesejahteraan Keluarga Dan Skor Kesejahteraan Mengikut Domain***



***Rajah 21 : Indeks Kesejahteraan Keluarga Mengikut Ciri-ciri Responden***



## 4.4 Lain-lain Penemuan

### 4.4.1 Cabaran Keluarga

Di dalam mengharungi arus pemodenan dan memenuhi tuntutan kehidupan masa kini, tidak dinafikan institusi keluarga di Malaysia akan berhadapan dengan pelbagai cabaran. Menerusi kajian ini, didapati majoriti daripada keluarga menyatakan bahawa cabaran yang dihadapi oleh mereka adalah masalah kewangan (67.9%), diikuti masalah komunikasi antara pasangan (44.6%), masalah kesihatan fizikal (44.3%) dan masalah kesihatan emosi (44.2%). Empat perkara tersebut merupakan antara cabaran yang paling mencabar dihadapi oleh keluarga di Malaysia di samping cabaran-cabaran lain.

***Rajah 22 : Cabaran-cabaran Yang Dihadapi Oleh Keluarga Di Malaysia***



### 4.4.2 Daya Ketahanan Keluarga

Secara keseluruhannya, keluarga di negara ini mempunyai daya ketahanan atau resiliensi yang tinggi. Melalui kajian ini, didapati 95.2 peratus keluarga akan sentiasa bersedia membantu antara satu sama lain, 94.8 peratus keluarga akan tetap bersatu tidak kira betapa susahnya keadaan, 93.9 peratus keluarga akan mencari jalan keluar apabila dalam kesusahan, dan 92.5 peratus keluarga akan tabah dalam menghadapi kesusahan.

***Rajah 23 : Daya Ketahanan Keluarga di Malaysia***



### 4.4.3 Pemahaman Tentang Kesejahteraan Keluarga

Kajian ini mendapati lima pemahaman utama keluarga di negara ini mengenai "kesejahteraan keluarga" adalah ketenteraman dan kebahagian (72.0%), ekonomi yang stabil (61.1%), tempat tinggal yang selesa (56.9%), kasih sayang (56.5%) dan hubungan keluarga yang erat (53.2%).

***Rajah 24 : Pemahaman Keluarga Tentang Kesejahteraan Keluarga***






### 4.4.4 Pandangan Mengenai Tahap Kesejahteraan

Kajian ini turut mendapatkan pandangan responden mengenai tahap kesejahteraan keluarga mereka pada tahun semasa (2011) dan pada lima tahun akan datang. Kajian ini mendapati bahawa tahap kesejahteraan keluarga yang diramalkan oleh ibu bapa di Malaysia akan meningkat daripada 7.78 kepada 8.88 dalam tempoh lima tahun akan datang. Ini bermakna ibu bapa di negara ini mempercayai bahawa keadaan kesejahteraan keluarga mereka akan bertambah baik pada masa hadapan.











# BAB LIMA

## Penemuan Kajian
(Anak 13 – 24 tahun)

**5.1** Profil Responden
**5.2** Kesejahteraan Mengikut Domain (Anak)
**5.3** Indeks Kesejahteraan Keluarga (Anak)

## 5.1 Profil Responden

Kajian ini telah berjaya mendapatkan maklumat daripada 2,808 responden anak yang terdiri daripada 1,354 orang lelaki dan 1,454 orang perempuan. Taburan responden anak mengikut kategori umur pula mendapati 53.9 peratus mereka berumur 13 hingga 18 tahun dan selebihnya adalah berumur di antara 19 hingga 24 tahun. Daripada aspek tahap pendidikan semasa, 62 peratus daripada mereka masih di peringkat sekolah menengah manakala 35 peratus berada di tahap tertiari dan selebihnya masih di peringkat sekolah rendah.

## 5.2 Kesejahteraan Mengikut Domain

### 5.2.1 Domain Hubungan Kekeluargaan

Domain Hubungan Kekeluargaan mengandungi lima indikator yang terdiri daripada Penglibatan Ibu Bapa, Daya Tahan Keluarga, Kefungsian Keluarga, Masa Bersama Keluarga, dan Hubungan Dengan Ibu Bapa. Skor keseluruhan untuk domain Hubungan Kekeluargaan adalah 7.90.

***Rajah 25 : Skor Domain Hubungan Kekeluargaan Mengikut Indikator***




*(N=2,808; Skala 1-10)*

***Rajah 26 : Skor Domain Hubungan Kekeluargaan Mengikut Ciri-ciri Responden***



### 5.2.2 Domain Ekonomi Keluarga

Domain Ekonomi Keluarga terdiri daripada dua indikator iaitu Taraf Hidup Keluarga dan Situasi Ekonomi Keluarga. Skor keseluruhan untuk domain Ekonomi Keluarga adalah 7.65.

***Rajah 27 : Skor Domain Ekonomi Keluarga Mengikut Indikator***




***Rajah 28 : Skor Domain Ekonomi Keluarga Mengikut Ciri-ciri Responden***



### 5.2.3 Domain Kesihatan Keluarga

Domain Kesihatan Keluarga mempunyai tiga indikator yang terdiri daripada Amalan Kesihatan Keluarga, Tahap Kesihatan Keluarga dan Pengurusan Stres. Skor keseluruhan untuk domain Kesihatan Keluarga adalah 7.61.

***Rajah 29 : Skor Domain Kesihatan Keluarga Mengikut Indikator***




***Rajah 30 : Skor Domain Kesihatan Keluarga Mengikut Ciri-ciri Responden***



### 5.2.4 Domain Keselamatan Keluarga

Domain Keselamatan Keluarga mempunyai tiga indikator yang terdiri daripada Pengetahuan Kecemasan, Rasa Selamat Dalam Rumah, dan Keselamatan Keluarga. Skor keseluruhan untuk domain Keselamatan Keluarga adalah 7.66.

***Rajah 31 : Skor Domain Keselamatan Keluarga Mengikut Indikator***




***Rajah 32 : Skor Domain Keselamatan Keluarga Mengikut Ciri-ciri Responden***



### 5.2.5 Domain Keluarga Dan Komuniti

Domain Keluarga Dan Komuniti mempunyai tiga indikator yang terdiri daripada Kerjasama Dalam Komuniti, Hubungan Dengan Komuniti, dan Penglibatan Dalam Komuniti. Skor keseluruhan untuk domain Keluarga Dan Komuniti adalah 7.65.

***Rajah 33 : Skor Domain Keluarga Dan Komuniti Mengikut Indikator***




***Rajah 34 : Skor Domain Keluarga Dan Komuniti Mengikut Ciri-ciri Responden***



### 5.2.6 Domain Keluarga Dan Agama/Kerohanian

Domain Keluarga Dan Agama/Kerohanian mempunyai dua indikator yang terdiri daripada Peranan Agama dan Amalan Kerohanian. Skor keseluruhan untuk domain Keluarga Dan Agama/Kerohanian adalah 8.18.

***Rajah 35 : Skor Domain Keluarga Dan Agama/Kerohanian Mengikut Indikator***




***Rajah 36 : Skor Domain Keluarga Dan Agama/Kerohanian Mengikut Ciri-ciri Responden***



### 5.2.7 Domain Perumahan Dan Persekitaran

Domain Perumahan Dan Persekitaran mempunyai dua indikator yang terdiri daripada Kemudahan Asas dan Tahap Pencemaran. Skor keseluruhan untuk domain Perumahan Dan Persekitaran adalah 7.29.

***Rajah 37 : Skor Domain Perumahan Dan Persekitaran Mengikut Indikator***




***Rajah 38 : Skor Domain Perumahan Dan Persekitaran Mengikut Ciri-ciri Responden***



## 5.3 Indeks Kesejahteraan Keluarga (Anak)

Melalui kajian ini, didapati Indeks Kesejahteraan Keluarga (Anak) yang dicatatkan adalah 7.70 pada skor maksimum 10. Daripada tujuh domain yang telah dikenal pasti, didapati domain Keluarga Dan Agama/Kerohanian mencatatkan skor kesejahteraan tertinggi iaitu 8.18. Ini diikuti oleh domain Hubungan Kekeluargaan (7.90), Keselamatan Keluarga (7.66), Ekonomi Keluarga (7.65), Keluarga Dan Komuniti (7.65), Kesihatan Keluarga (7.61) dan Perumahan Dan Persekitaran (7.29) (Rajah 39).

***Rajah 39 : Indeks Kesejahteraan Keluarga Dan Skor Kesejahteraan Mengikut Domain***







LAPORAN KAJIAN
Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia 2011

# BAB ENAM
# Kesimpulan Dan Cadangan

**6.1** Kesimpulan
**6.2** Cadangan Dan Syor

## 6.1 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini telah berjaya mengenalpasti 7 domain utama iaitu Hubungan Kekeluargaan, Ekonomi Keluarga, Kesihatan Keluarga, Keselamatan Keluarga, Keluarga Dan Komuniti, Keluarga Dan Agama/Kerohanian dan Perumahan Dan Persekitaran di mana ke semua domain ini diukur berpandukan 24 indikator yang telah dikenalpasti. Seterusnya, daripada skor-skor yang diperolehi, satu indeks telah dijana secara komposit yang dikenali sebagai Indeks Kesejahteraan Keluarga (Ibu Bapa) dan Indeks Kesejahteraan Keluarga (Anak).

Pembangunan Indeks Kesejahteraan Keluarga telah memfokuskan kepada kesejahteraan subjektif di mana setiap responden diminta untuk memberi penilaian mengenai aspek-aspek tertentu berkaitan keluarga mereka. Indeks Kesejahteraan Keluarga menggunakan skor 10 sebagai skor maksimum. Semakin tinggi nilai skor yang diperolehi, maka semakin baik tahap kesejahteraan keluarga di negara ini. Untuk mendapatkan Indeks Kesejahteraan Keluarga, purata skor bagi semua tujuh domain dikira. Skor domain diperolehi melalui purata skor bagi ke semua indikator yang terdapat dalam sesuatu domain.

Melalui kajian ini, didapati Indeks Kesejahteraan Keluarga (Ibu Bapa) yang dicatatkan adalah 7.55 pada skor maksimum 10. Daripada tujuh domain yang telah dikenal pasti, didapati domain Keluarga Dan Agama/Kerohanian mencatatkan skor domain tertinggi iaitu 8.25. Ini diikuti oleh skor domain Keluarga Dan Komuniti (7.83), Hubungan Kekeluargaan (7.82), Keselamatan Keluarga (7.39), Kesihatan Keluarga (7.38), Perumahan Dan Persekitaran (7.28), dan Ekonomi Keluarga (6.90).

Bagi Indeks Kesejahteraan Keluarga (Anak), skor indeks yang diperolehi adalah 7.70 pada skor maksimum 10. Daripada tujuh domain yang telah dikenal pasti, didapati domain Keluarga Dan Agama/Kerohanian mencatatkan skor kesejahteraan tertinggi iaitu 8.18. Ini diikuti oleh domain Hubungan Kekeluargaan (7.90), Keselamatan Keluarga (7.66), Ekonomi Keluarga (7.62), Keluarga Dan Komuniti (7.65), Kesihatan Keluarga (7.61), dan Perumahan Dan Persekitaran (7.29). Walau bagaimanapun, hanya Indeks Kesejahteraan Keluarga (Ibu Bapa) sahaja yang digunakan untuk mewakili Indeks Kesejahteraaan Keluarga secara keseluruhan.

## 6.2 Cadangan Dan Syor

Indeks Kesejahteraan Keluarga telah dibangunkan sebagai salah satu mekanisme untuk mengukur tahap kesejahteraan sesebuah keluarga. Kajian ini merupakan inisiatif pertama untuk mengukur tahap kesejahteraan keluarga di negara ini. Indikator-indikator yang telah dibangunkan perlu diuji dan ditambahbaik dari semasa ke semasa untuk memastikan ia adalah sentiasa relevan dengan keadaan dan cabaran semasa.

Indeks Kesejahteraan Keluarga menunjukkan bahawa tahap kesejahteraan keluarga Malaysia pada masa kini berada pada paras yang sederhana dan belum lagi mencapai suatu tahap membanggakan. Justeru, usaha yang lebih banyak perlu dilakukan yang lebih memberi fokus kepada beberapa aspek kehidupan keluarga yang mungkin memberi impak negatif terhadap kesejahteraan keluarga.

Berdasarkan penemuan kajian ini, antara cadangan untuk meningkatkan kesejahteraan keluarga di negara ini adalah seperti berikut:

### 6.2.1 Program Untuk Meningkatkan Kesejahteraan Keluarga

1. Melaksanakan program sokongan keluarga yang menitikberatkan hubungan kekeluargaan khususnya dalam aspek mengimbangi tuntutan kerja dan keluarga. Di antara elemen penting yang perlu diberi penekanan dalam aspek imbangi tuntutan kerja dan keluarga adalah kemahiran mengenai komunikasi efektif, kemahiran menyelesaikan masalah di dalam keluarga dan pengurusan. Di samping itu, kajian ini juga memberi indikasi bahawa perkhidmatan dan program yang membantu keluarga untuk menjadi lebih resilien atau berkemampuan untuk menangani cabaran semasa harus diperluaskan. Program sebegini lebih merupakan latihan kemahiran yang perlu untuk membantu individu menjadi ibu bapa yang lebih bertanggungjawab dan mantap dalam menguruskan rumah tangga dan keluarga. Selain itu, elemen dalam meningkatkan hubungan antara suami dan isteri serta kesedaran tentang fungsi keluarga yang baik juga perlu diberi perhatian.

2. Meneruskan agenda negara untuk meningkatkan taraf hidup keluarga terutama institusi keluarga yang berpendapatan rendah. Program-program yang berbentuk pengurusan kewangan keluarga juga perlu diperluaskan agar mereka dapat menguruskan sumber kewangan dengan lebih efisien sebagai persediaan keluarga untuk masa hadapan terutama di situasi kecemasan. Seterusnya, perkhidmatan sokongan atau bantuan kewangan, contohnya kaunseling kewangan, harus mudah didapati dan diakses oleh keluarga yang menghadapi cabaran dan masalah kewangan.

3. Mempergiatkan aktiviti promosi kesihatan keluarga dalam menitikberatkan kepentingan mengamalkan gaya hidup yang lebih sihat serta tabiat pemakanan yang seimbang untuk seisi keluarga. Di samping itu, program dan latihan mengenai pengurusan stress yang lebih efektif juga perlu ditingkatkan.

4. Program advokasi untuk meningkatkan pengetahuan dalam kalangan ahli keluarga tentang pengetahuan kecemasan sekiranya berlaku. Di samping itu, usaha kerajaan dalam mengurangkan kadar jenayah perlu diperhebatkan dalam memastikan tahap keselamatan lebih terjamin.

5. Memperkasakan komuniti sebagai pemangkin kepada sistem sokongan keluarga di mana program yang memfokuskan kepada kerjasama dan penglibatan keluarga dalam aktiviti komuniti perlu ditingkatkan.

6. Membudaya dan mengamalkan kepentingan amalan kerohanian serta nilai-nilai murni dalam keluarga. Ibu bapa perlu bertindak sebagai model kepada ahli keluarga yang lain dalam menitikberatkan amalan kerohanian sebagai langkah utama kepada faktor pelindung di dalam institusi keluarga.

7. Menggalakkan pihak-pihak yang berkepentingan dalam membangunkan program kesedaran tentang kepentingan memelihara dan memulihara alam sekitar memandangkan keluarga boleh menjadi institusi pertama dalam mendidik generasi muda tentang rasa tanggungjawab di dalam pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.

### 6.2.2 Dasar

1. Memastikan Dasar Keluarga Negara (DKN) dan pelan tindakannya yang telah diperkenalkan pada tahun 2010 dilaksanakan oleh semua pihak. DKN dan pelan tindakannya merupakan satu inisiatif proaktif yang diambil oleh Kerajaan Malaysia bermatlamat untuk membangunkan institusi keluarga yang kukuh, sejahtera dan resilien. DKN mengiktiraf keluarga sebagai satu unit penting dalam pembinaan struktur sesebuah masyarakat serta negara yang mantap, maju dan progresif. Sokongan semua pihak amat penting bagi memastikan DKN dan pelan tindakannya yang menekankan ‘perspektif keluarga’ dan ‘utamakan keluarga’ dapat dilaksanakan agar institusi keluarga dimantap dan diperkukuhkan untuk memainkan peranannya dengan sempurna. Menerusi pelaksanaan DKN ini juga, dasar-dasar yang mesra keluarga perlu digubal dan mengkaji semula dasar-dasar yang tidak mesra keluarga untuk membantu keluarga mengimbangi tuntutan kerja dan keluarga terutama keluarga muda.

2. Indeks Kesejahteraan Keluarga diambil kira sebagai input untuk perancangan dan pembangunan negara. Selain itu, penghasilan Indeks Kesejahteraan Keluarga digunakan sebagai alternatif kepada pengukuran kejayaan pelaksanaan program Kerajaan selain daripada indikator ekonomi sedia ada (GDP atau GNI).

### 6.2.3 Penyelidikan Dan Pembangunan

1. LPPKN akan menguji, menilai dan mengemaskini indikator kesejahteraan keluarga secara berterusan.

2. Kajian Indeks Kesejahteraan Keluarga dijalankan secara berterusan dengan kekerapan dua atau tiga tahun sekali.

3. Menguji pengiraan indeks untuk perbandingan di peringkat antarabangsa.

4. Menambahkan penyelidikan berkaitan institusi perkahwinan dan kekeluargaan untuk dijadikan sebagai input pembangunan program baru yang berlandaskan *evidence based programmes* dalam meningkatkan tahap kesejahteraan keluarga di Malaysia.





LAPORAN KAJIAN

# Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia 2011

muka surat 57

## Hebahan Media

2 NASIONAL
AHAD 4 NOVEMBER 2012 BH

# Perkukuh institusi keluarga

*» Langkah jadikan Malaysia negara sejahtera: PM*

**Oleh Abdul Razak Raaff, Irwan Shafrizan Ismail dan Nik Syukri Ramli**
bhnews@bharian.com.my

Pekan

Indeks kesejahteraan keluarga di negara ini belum mencapai tahap membanggakan kerana berada pada skala 7.55 daripada 10.

Sehubungan itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak berkata, lebih banyak usaha perlu bagi memperkukuh institusi kekeluargaan, sekali gus menjadikan Malaysia sebagai negara sejahtera.

"Berdasarkan indeks kesejahteraan keluarga, kita belum dapat A cuma B+. Masih ada ruang untuk pertingkatkan.

"Kita perlu terus utamakan nilai kekeluargaan kerana ia aset penting tanpa menafikan peranan ahli keluarga dalam pembangunan sosioekonomi negara.

"Justeru, menjadi tanggungjawab kerajaan dan semua pihak menentukan hala tuju atau memilih model paling sesuai sejajar usaha mencapai status negara maju," katanya ketika melancarkan Bulan Keluarga Kebangsaan 1Malaysia 2012, di sini semalam.

**INFO**

**Taska**

- Ada 767 taska di seluruh negara.
- Menyediakan tempat kepada 53,000 kanak-kanak.
- Kerajaan luluskan dana RM10 juta untuk mereka yang berminat membuka pusat asuhan kanak-kanak.

**Diberi pelepasan cukai**

Program itu bertema Utamakan Keluarga: Yang Tua Dihormati, Yang Muda Disayangi. Hadir sama, Datin Seri Rosmah Mansor dan Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob.

Najib yang juga Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, berkata syarikat swasta yang menganjur pelbagai program meningkatkan hubungan kekeluargaan seperti hari keluarga diberi pelepasan cukai.

Katanya, ia adalah satu daripada inisiatif di bawah Gerakan 1Malaysia Utamakan Keluarga (1MFF).

Ia juga bertujuan menggalakkan hubungan mesra kakitangan dan majikan serta meningkatkan produktiviti menerusi konsep keseimbangan kerja dan kehidupan.

Terdahulu, ketika merasmikan Astro Kasih Knowledge Zone di Rumah Kanak-Kanak Yatim Sultanah Hajah Kalsom, Pekan, Najib berkata kerajaan



# Pendemokrasian pendidikan antara terbaik di dunia

**Pekan:** Datuk Seri Najib Razak berkata pendemokrasian pendidikan negara yang membolehkan semua individu pelbagai latar belakang melanjutkan pelajaran pada peringkat tertinggi adalah antara yang terbaik di dunia.

Perdana Menteri berkata, ia dapat mewujudkan mobiliti sosial menegak di kalangan masyarakat termasuk golongan miskin.

Katanya, menerusi pendemokrasian pendidikan, satu generasi mampu menukar taraf hidup keluarga kepada lebih baik berbanding sebelumnya.

**Boleh capai perubahan**

"Di Malaysia, hanya dengan satu generasi saja, individu yang berlatar belakang sederhana atau miskin boleh mencapai perubahan besar daripada aspek sosioekonomi dengan berjaya dalam pelajaran.

"Justeru, anak petani, nelayan, pembantu am rendah dan Orang Asli tidak semestinya mewarisi pekerjaan generasi sebelumnya, tetapi boleh jadi doktor, jurutera, profesional dan tokoh korporat," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis penyampaian surat tawaran kemasukan Universiti Teknologi Mara (UiTM) di bawah program Mengubah Destini Anak Nangsa (MDAB) Parlimen Pekan, di sini semalam. Hadir sama, Naib Canselor UiTM, Datuk Seri Prof Ir Dr Sahol Hamid.

Seramai 150 pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) menerima surat tawaran kemasukan untuk kursus pradiploma di UiTM cawangan Jengka.

Selain menerima wang pendahuluan RM500 sumbangan Yayasan Pahang (YP), mereka pelajar bukan saja mendapat kemudahan tempat penginapan sepanjang pengajian, malah disediakan makanan percuma. Usaha itu bagi memberi peluang kepada pelajar keluarga kurang berkemampuan, peneroka FELDA dan Orang Asli melanjutkan pengajian untuk mengubah nasib keluarga.

Program MDAB yang dilancarkan dua tahun lalu, adalah hasil idea Najib dan sudah memberi manfaat kepada 15,155 pelajar.

NOVEMBER 4, 2012



Prime Minister Datuk Seri Najib Razak trying his hand at making a 'murtabak mengkasar' at the 1Malaysia Family Month 2012 national-level celebrations in Pekan, Pahang, yesterday. Looking on are his wife, Datin Seri Rosmah Mansor (right), and the creator of the delicacy, Ahmad Tajuddin Abdul Hamid (second from left). [illegible]

# PM: Tax relief for firms holding family day events

**VITAL UNIT:** Incentive is part of initiatives to strengthen the family, says Najib

[illegible]

[illegible]

Usaha melahirkan keluarga bahagia, cemerlang dalam negara sejahtera – Najib

# Tingkatkan Indeks Kesejahteraan



## Pendidikan Malaysia terbaik

## Prosedur pendaftaran taska dikaji

# Najib: Vital to be happy

## We need an 'A' in happiness index, says PM

By ONG HAN SEAN and NIK NAIZI HUSIN
newsdesk@thestar.com.my



**Play time:** Najib and his wife Datin Seri Rosmah Mansor having a light moment with the children in Rumah Kanak-Kanak Sultanah Hajjah Kalsom, Pekan, in Kuantan before he launched the Astro Kasih Knowledge Zone.

**PEKAN:** The Prime Minister rates the nation's "happiness index" at 7.55 on a scale of 10 and declared that there was room for improvement.

Datuk Seri Najib Tun Razak said the target was to achieve an 'A' in the index from the current 'B+'.

"As a developing country, we need to choose the best model for our growth. One of it is the conventional model which uses per capita income as a yardstick.

"However, I feel that if it is a one dimensional model then it is not accurate and comprehensive because we can be wealthy but that does not mean we are happy," he said at the launch of the 1Malaysia National Family Month here yesterday.

Likening the happiness index as another type of measurement for progress, he said this was made up of multiple components such as crime rate and pollution.

"For example, if the people are stuck in traffic all day, then that will mean a drop in happiness," he pointed out.

Najib, who is also the Women, Family and Community Development Minister, said one of the most important components in the index was that of a happy family.

"If the family is happy, then we as individuals will also be happy," he said, describing the theme of this year's celebration "The old are respected, the young loved" as fitting because it formed the core of family values.

On the Government's efforts to strengthen the family institution, Najib said ...

... such programmes.

Launching the Astro Kasih ...

# 納吉：更快獲批文
# 簡化申辦幼稚園條例



## 人民家庭和諧指數B+
### 改進空間仍很大







>>Oleh RAJA NORAIN HIDAYAH RAJA ABDUL AZIZ

# Kaji prosedur daftar taska

KUANTAN: Kerajaan bercadang mengkaji semula prosedur pendaftaran taman asuhan kanak-kanak (taska) baru bagi memudahkan proses pembukaan lebih banyak taska di negara ini, sekali gus memberi manfaat kepada lebih 30,000 kanak-kanak.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak berkata, hasil kajian itu nanti akan membolehkan pengusaha tidak perlu mendapatkan kelulusan daripada agensi teknikal sebelum membuka taska.

Bagaimanapun, katanya, pengusaha perlu mematuhi beberapa garis panduan dan syarat ditetapkan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sebelum ia didaftarkan.

"Kajian itu dilihat dapat memberi peluang kepada lebih ramai kanak-kanak di seluruh negara mendapat akses kepada pelajaran di peringkat awal.

"Malah, sebanyak 372 taska baru akan didaftarkan dan menjadi jumlah keseluruhan kepada 1,767 yang mana ia membolehkan lebih 53,000 kanak-kanak mendapat pendidikan awal yang lebih berkualiti dan sempurna," katanya ketika berucap pada Majlis Pelancaran Astro Kasih Knowledge Zone di Rumah Kanak-Kanak Sultanah Hajjah Kalsom, di sini, semalam.

Hadir sama, isterinya Datin Seri Rosmah Mansor; Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob; Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Senator Heng Sai Kie dan Pengerusi Astro, Tun Zaki Tun Azmi.



SANTAI... Najib bersama Rosmah membacakan buku cerita bersama kanak-kanak rumah Sultanah Hajjah Kalsom sempena Majlis Pelancaran Astro Kasih Knowledge Zone di Rumah Kanak-kanak Sultanah Hajjah Kalsom di sini.

Najib yang juga Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat berkata, kerajaan memperuntukkan RM10 juta kepada penyedia pusat pendidikan awal kanak-kanak bagi membuka taska baru yang berkualiti.

"Kita jangkakan 1,000 lagi taska dapat dibuka melalui inisiatif ini, yang mana setiap satunya bernilai RM10,000 dan secara tidak langsung memberi peluang kepada 30,000 lagi kanak-kanak untuk menimba ilmu.

"Jika (peruntukan) tidak cukup... saya akan tambah lagi, demi memastikan semua (kanak-kanak) mendapat peluang belajar.

"Ini penting kerana kanak-kanak adalah wajah masa depan negara kita dan menjadi tanggungjawab kita semua membimbing dan mengasuh mereka dengan nilai-nilai bersifat holistik secara menyeluruh," katanya.

Melalui program itu, Astro akan membekalkan 127 dekoder Beyond, pemasangan dan bayaran langganan bulanan pakej famili percuma kepada 1,000 rumah kebajikan kanak-kanak yang berdaftar dengan JKM.

Selain itu, Astro akan menyediakan sudut serta bahan bacaan kepada 24 pusat kebajikan kanak-kanak di bawah kelolaan JKM di seluruh negara.

## Perkukuh institusi keluarga

PEKAN: Indeks kesejahteraan atau kebahagiaan keluarga di Malaysia belum mencapai tahap cemerlang dan banyak usaha perlu dilakukan bagi memperkukuhkannya ke arah melahirkan negara sejahtera.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak berkata, ketika ini indeks kesejahteraan atau kebahagiaan keluarga di Malaysia berada pada skala 7.35 daripada 10.

Katanya, usaha ke arah meningkatkan lagi skala berkenaan dan memperkukuhkan institusi keluarga perlu kerana keluarga memainkan peranan paling penting dalam menentukan kesejahteraan masyarakat.

"Walaupun keluarga institusi paling kecil dalam masyarakat, ia asas penting dalam negara," katanya berucap pada Majlis Pelancaran Bulan Keluarga Kebangsaan 1Malaysia, di sini, semalam.

Hadir sama, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor dan Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob.

Najib yang juga Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat berkata, kerajaan melalui kementerian berkenaan melaksanakan pelbagai komitmen untuk memperkukuhkan institusi keluarga.

Katanya, ini termasuk memperkenalkan dasar keluarga negara, cuti bersalin bagi isteri dan suami, subsidi penjagaan anak bagi kakitangan awam, taska di tempat kerja dan Skim Rumah Pertamaku.

"Selain itu, November diisytiharkan sebagai Bulan Hari Keluarga Kebangsaan dan akan disambut setiap tahun.

"Sebagai komitmen berterusan kerajaan dalam perkara ini, majikan yang menganjurkan sambutan hari keluarga akan diberikan pengecualian cukai. Kita menggalakkan majikan mengadakan sambutan ini," katanya.

Menurutnya, setiap pihak perlu mengambil iktibar daripada sambutan hari keluarga yang dilancarkan kerana keluarga bahagia akan melahirkan negara sejahtera.

## 納吉：只要符福利局標準
# 簡化註冊增加托兒所

數量增至1767間




## 要家庭和諧尚須努力
首相：指數未達卓越標準

Daily Email News Alerts · About Us

7 Days Archive: Mon · Tues · Wed · Thur · Fri · Sat · Sun

THE MALAYSIAN Insider

Wednesday, 30 October 2013




Apps: BIG PICTURE GALLERY

News · Malaysia · Business · World · Showbiz · Sports · Features · Opinion · Bahasa · Food · Books · Tech · Drive · Travel · Gallery · More

BAHASA

# PM: Indeks kesejahteraan keluarga Malaysia perlu diperbaiki

DOWNLOAD PLAY NOW

NOVEMBER 03, 2012

PEKAN, 3 Nov â€" Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak berkata indeks kesejahteraan keluarga Malaysia masih belum berada di tahap cemerlang dan perlu dipertingkatkan bagi melahirkan sebuah negara yang sejahtera.

Katanya ketika ini tahap kesejahteraan keluarga negara ini berada pada 7.55 dari skala 10 dan banyak lagi usaha perlu dibuat bagi memperkukuhkan institusi keluarga.

â€œTanggungjawab kerajaan adalah untuk menentukan hala tuju atau memilih model paling sesuai diperjuangkan untuk sebuah negara,â€ kata Najib (**foto fail**) ketika berucap pada Majlis Bulan Keluarga Kebangsaan 1Malaysia di sini, hari ini.

Kalkulator Pinjaman Rumah
imoney.my/pinjaman-peru...
Banding Faedah Semua Bank. Cari Kadar P'jmn Rumah Yang Terendah

Turut hadir, isteri beliau, Datin Seri Rosmah Mansor, dan Menteri Besar Datuk Seri Adnan Yaakob.

Najib berkata ukuran kesejahteraan keluarga bukan bergantung kepada pendapatan perkapita tetapi perlu dilihat dalam dimensi yang lain merangkumi aspek kehidupan dalam mengukur kesejahteraan dan kebahagiaan.

Katanya kerajaan telah melaksanakan pelbagai komitmen menerusi Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat termasuk mengumumkan bulan November sebagai Hari Keluarga dan melancarkannya sebagai bulan Hari Keluarga Kebangsaan.

â€œSebagai komitmen berterusan ia akan disambut setiap tahun dan setiap majikan digalakkan mengadakan sambutan itu dan kerajaan akan memberi pengecualian cukai bagi tujuan itu,â€ katanya.

Dalam usaha memperkukuhkan institusi keluarga, kerajaan juga memperkenalkan dasar keluarga negara, cuti bersalin, subsidi penjagaan anak, taska di tempat kerja dan dasar rumah pertamaku.

Najib berkata kerajaan sedar pendapatan perkapita yang meningkat bukan menjamin kesejahteraan keluarga tetapi keluarga sejahtera perlu menikmati kesejahteraan merangkumi keselamatan dan kehidupan yang harmoni.

Katanya sekalipun unit keluarga adalah paling kecil dalam unit sosial tetapi ia paling penting dalam usaha mencapai kemakmuran dan kesejahteraan keluarga. â€" Bernama

RECENT · MALAYSIA · BUSINESS · BAHASA

- PAS minta kerajaan pusat pertimbang naik subsidi padi
- 22 November perdengar permohonan batal saman bekas teman lelaki warga Bosnia berhubung sperma
- Jangan pertikai ibadah korban kalau tidak 'faham' ajaran Islam, kata Pekida
- GST masih efisien tetapi harus ada prasyarat, kata Anwar
- Kes saman fitnah bekas isteri Hattan terhadap blog hiburan selesai




Home Loan · Credit Card · Fixed Deposit · iMoney.my
Best home loan rates

| | | |
|---|---|---|
| OCBC Bank | 4.20% | (BLR -2.40%) |
| CIMB BANK | 4.20% | (BLR -2.40%) |
| AIA | 4.25% | (Fixed Rate) |
| Maybank | 4.30% | (BLR -2.30%) |

View more

TALK OF THE WEB

Malaysia

Berita Malaysia News @myberita
General : More Than 15,000 People Have Registered As Sm1JPJ Volunteers bit.ly/1coo9Fo
35m

The Malaysian Insider :: Malaysia
**Perkasa warns deputy minister to call off ban in schools or else...**
Malay rights group Perkasa has warned Deputy Education Minister P. Kamalanathan (pic) that it

Kerja Sambilan Untuk Wang
tinjauanbandin...
RM20 Setiap Survey - Ambil Bahagian Survey Berbayar Online. Daftar Sini

Volkswagen Malaysia
Volkswagen.c...
Discover Great Deals On Our Cars. Check Out VW's Range Of Cars Today!

Freedom to Live

Skim Perumahan 1 Malaysia

Pinjaman Loan Peribadi

EDITOR'S PICK

Government unions want salaries to equal contract staff in Putrajaya agencies

Utusan ONLINE

DALAM NEGERI

ARKIB : 04/11/2012

# Tingkatkan Indeks Kesejahteraan

Oleh HERMAN HAMID dan MOHAMAD SHOFI MAT ISA
pengarang@utusan.com.my



NAJIB Tun Razak bersalaman dengan orang ramai yang menghadiri Majlis Pelancaran Bulan Keluarga Kebangsaan 1Malaysia di Dataran Pekan, Pahang, semalam. Turut hadir, Rosmah Mansor, Adnan Yaakob dan Heng Seai Kie. - MINGGUAN/MAHATHIR ALI

PEKAN 3 Nov. - Datuk Seri Najib Tun Razak mahu semua pihak bersama-sama meningkatkan Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia ke tahap cemerlang dalam usaha melahirkan sebuah negara sejahtera.

Perdana Menteri berkata, data Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menerusi Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) menunjukkan tahap Indeks Kesejahteraan Keluarga Negara kini berada di paras 7.55 daripada skala 10.

"Maknanya, belum dapat A lagi, baru dapat B+, jadi masih ada ruang untuk ditingkatkan lagi.

"Dengan harapan pada masa akan datang indeks ini akan menghampiri skala 10," katanya ketika berucap dalam Majlis Pelancaran Bulan Keluarga Kebangsaan 1Malaysia di Dataran Pekan, di sini hari ini.

Yang turut hadir, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor, Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob dan Timbalan Menteri Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat, Senator Datuk Heng Seai Kie.

Najib yang juga Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat berkata, menjadi tanggungjawab kerajaan menentukan hala tuju atau memilih model paling sesuai yang akan diperjuangkan demi kesejahteraan negara.

"Kita ada model konvensional yang menggunakan kriteria pendapatan perkapita, tetapi saya berpendapat, kalau model kita satu dimensi sahaja, ia tidak tepat dan komprehensif.

"Cuba bayangkan kita mempunyai banyak harta tetapi berbalah berebut harta antara keluarga dan perlu naik turun mahkamah untuk selesaikan perbalahan.

"Bererti bahawa, kalau kita jutawan, banyak wang, ada rumah dan kereta besar tak semestinya kita bahagia, oleh itu kita perlu Indeks Kesejahteraan dan salah satu komponennya adalah keluarga bahagia," katanya.

Najib berkata, dalam usaha memperkukuhkan institusi keluarga, kerajaan telah melaksanakan pelbagai langkah antaranya mengumumkan bulan November sebagai Bulan Keluarga.

Kerajaan juga katanya, telah memperkenalkan Dasar Keluarga Negara, cuti bersalin untuk isteri dan suami, subsidi penjagaan anak kakitangan awam, taska di tempat kerja dan Dasar Rumah Pertamaku.

Sebagai komitmen berterusan, tambah beliau, Bulan Keluarga Kebangsaan akan disambut setiap tahun dan setiap majikan digalakkan mengadakan sambutan itu dengan sektor swasta dan awam akan memberi pengecualian cukai bagi tujuan tersebut.



Utusan ONLINE VERSI : Mobile | Akhbar Digital

31 Oktober 2013 / 26 Zulhijjah 1434

Nasional | Artikel | Wilayah | Luar Negara | Hiburan | Sukan | Bisnes | Pendidikan | Sains | Rekreasi | Gaya Hidup | Xtive

Terkini | Berita Utama | Dalam Negeri | Politik | Pemilihan UMNO | Parlimen | Jenayah | Mahkamah | Laporan Khas

DALAM NEGERI

ARKIB : 25/07/2013

# Tahap kesejahteraan keluarga belum memuaskan

Oleh KHAIRULANUAR YAHAYA

KUALA LUMPUR 25 Julai - Tahap kesejahteraan keluarga di negara ini masih belum memuaskan apabila kajian oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) mendapati ia hanya berada pada tahap sederhana.

Ketua Pengarah LPPKN, Dr. Siti Norlasiah Ismail berkata, berdasarkan kajian pertama yang dibuat pada 2011 itu mendapati tahap kesejahteraan dalam soal ekonomi mendapat skor paling rendah manakala dari segi agama dan kerohanian pula mencatat skor tertinggi.

"Melalui hasil kajian ini, kita harap penambahbaikan dapat dilakukan oleh pihak-pihak berkaitan bagi menyumbang kesejahteraan keluarga terutama soal ekonomi keluarga yang menyaksikan kelemahan terhadap Tabung Masa Depan.

"Justeru, kita sarankan agar aspek kewangan keluarga perlu dimantapkan dengan dasar yang mesra keluarga, termasuk dengan bantuan pihak majikan," katanya pada taklimat kepada media berhubung kajian Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia 2011, di pejabatnya di sini hari ini.

Kajian itu dibahagikan kepada tujuh kategori iaitu dari segi ekonomi, agama dan kerohanian, hubungan kekeluargaan, kesihatan, keselamatan, komuniti dan persekitaran dengan skor satu adalah paling rendah dan 10 tertinggi dengan purata markah keseluruhan berada pada tahap tujuh.

Katanya, kajian itu telah dijalankan ke atas 2,808 buah isi rumah yang melibatkan sejumlah 5,616 orang responden iaitu masing-masing 1,484 lelaki, wanita (1,324) dan remaja berusia 13 hingga 24 tahun sebanyak 2,808 orang.

Dr. Siti Norlasiah berkata, Dasar Keluarga Negara perlu diguna pakai oleh semua agensi terbabit untuk membantu individu menjadi ibu bapa yang lebih bertanggungjawab, berkemahiran dan mantap dalam menguruskan rumah tangga serta keluarga. - UTUSAN ONLINE

E-PAPER
Menarik hari ini
KOMUNITI
Waktu Solat
Laporan Cuaca
BERITA
Berita Utama
Dalam Negeri
Wilayah
Laporan Khas
Parlimen
Politik
Waktu Solat Kuala Lumpur
Subuh 05:40
Zohor 1:00
Asar 4:20
Maghrib 6:58
Isyak 8:09
Klik untuk waktu solat kawasan lain
Paris is now in sight
Kuiz Aplikasi Satelit 2013
IKLAN@UTUSAN
SUPER SALE
11 - 20 NOV 2013
50% off
On Thousands Of Products
PRE-REGISTER
Rakuten.com.my Online Shopping





LAPORAN KAJIAN
Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia 2011

muka surat 65

# Rujukan

Australian Bureau of Statistics (2000). Directory of Child and Family Statistics. Retrieved May 10, 2010 from http://www.ausstats.abs.gov.au/ausstats/free nsf/0/1589668E6A6EF72ECA256ADA002CAD81/ $File/41580_2000.pdf.

Belfield, C.R. & Levin, H.M. (Eds.) (2007). The price we pay: Economic and social consequences of inadequate education. Washington, DC: Brookings.

Berger-Schmitt, R., & Jankowitsch, B. (1999). Systems of social indicators and social reporting: The state of the art. Full Reporting Working Paper No. 1, Subproject European System of Social Indicators. Mannheim: Centre for Survey Research and Methodology (ZUMA), Social Indicators Department. Retrieved May 18, 2010 from http://www.gesis.org/fileadmin/upload/dienstleistung/daten/soz_indikatoren/eusi/paper1.pdf.

Bradshaw, J. & Richardson, D. (2009). An index of child wellbeing in Europe. Child Indicators Research, 2, 319-351.

Brown, B., and Corbett, T., 1997, Social Indicators and Public Policy in the Age of Devolution, Institute for Research on Poverty, Special Report no. 71.

Cockerham , W.C. & Glasser, M. (2001). Readings in medical sociology. US: Pearson.

Cummins, R. A., Eckersley, R., Pallant, J., van Vugt, J. V. & Misajon, R. (2003). Developing a national index of subjective wellbeing: The Australian unity well-being index. Social Indicators Research, 64, 159-190.

Disney, J. (2006). Over our heads: Housing costs & Australian families. Australian Quarterly, 78, 4-11.

Duncan, G. & Brooks-Gunn, J. (Eds) (1997). Consequences of growing up poor. New York: Russell Sage Foundation.

Evans, G., Wells, N., & Moch, A. (2003). Housing and mental health: A review of the evidence and a methodological and conceptual critique. Journal of Social Issues, 59, 475-500.

Families Australia (2006). Family wellbeing in Australia: A Families Australia vision. Retrieved May 10, 2010 from http://www.familiesaustralia.org.au/ publications/ pubs/policy-familywellbeing.pdf.

Frey, K, Greenberg, M. & Fewell, R R. (1989). Stress and coping among parents of exceptional children: A multidimensional approach. American Journal on Mental Retardation, 94, 240-249.

Garbarino, J. (1992). Children and families in the socialenvironment. Second Edition. New York, NY: Aldine de Gruyter.

Goldberg, D. (1978). Manual of the General Health Questionnaire. Windsor, England: NFER Publishing.

Jabatan Perangkaan Malaysia (2011). Statistics Department, Malaysia. (2011)/ Population and vital statistics. Retrieved October 8, 2011 from http://www.statistics.gov.my/portal/download_Buletin_Bulanan/files/BPBM/2011/OGO/05_Population.pdf.

LPPKN (2009). As cited in Aminah Abdul Rahman & Ismahalil Ishak. Profil keluarga di Malaysia dan kesannya kepada masyarakat. Unpublished Report by the National Population and Family DevelopmentBoard (LPPKN).

LPPKN (2010). Draft of the National Family Policy Report. Unpublished Report by the National Population and Family DevelopmentBoard (LPPKN).

LPPKN (2008). Laporan Kajian Penduduk Dan Keluarga Malaysia, 2004. Kuala Lumpur, Malaysia. Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Malaysia.

Milligan, S., Fabian, A., Coope, P., Errington, C. (2006). Family Wellbeing Indicators from the 1981–2001 New Zealand Censuses. Statistics New Zealand, Wellington.Retrieved May 02, 2010 from http://www.stats.govt.nz/~/media/Statistics/Publications/StandardOfLiving/family-wellbeing/family-wellbeing-report-2006.pdf.

National Statistics Great Britain (2002). Living in Britain – 2001. Retrieved May 14, 2010 from http://www.statistics.gov.uk/lib2001/ Section3719.html.

New Jersey Child Abuse & Neglect Prevention Plan 2010-2013: A Roadmap to Child and Family Well-being. Retrieved December 1, 2011 from http://www.nj.gov/dcf/about/commissions/njtfcan/PreventionPlan.pdf.OECD (2008). Handbook on constructing composite indicators: Methodology and user guide. Retrieved Jun 15, 2010 from http://composite-indicators.jrc.ec.europa.eu/

Palanivel, G. (2004).Family first: Challenges in a changing world.Retrieved May 10, 2010 from http://www.kpwkm.gov.my.

Reiss, David. (1980). Family systems in America. New York, NY:Holt, Reinhart & Winston.

Statistics New Zealand (2004). Indicator guidelines. Retrieved May 6, 2010 from http://www.stats.govt.nz/~/media/Statistics/surveys-and methods/methods/indicator-guidelines/indicator-guidelines.pdf. A Roadmap to Child and Family Well-being, 2010.

U.S. Census Bureau, 2000. Retrieved May 10, 2010 from http://www.census.gov/population/www/cps/cpsdef.html

Yates, J., & Milligan, V. (2007). Housing affordability: A 21st century problem. National research venture 3: Housing affordability for lower income Australians (AHURIFinal Report No. 105). Retrieved 28March 2008, from http://www.ahuri.edu.au/publications/download/nrv3_final_report.

Zubrick, S.R., Williams, A.A., Silburn, S.R., & Vimpani, G. (2000). Indicators of social and family functioning. Retrieved May 10, 2010 from http://www.fahcsia.gov.au/sa/families/pubs/familiesisff/Documents/full_report.pdf.


HERO Keluarga



LAPORAN KAJIAN
Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia 2011

muka surat **69** Lampiran

# LAMPIRAN A

**Kata Kunci Relevan Yang Digunakan Dalam Pencarian Literatur Dan Web**

| Kefungsian Keluarga | Kesihatan Dan Kesejahteraan | Indeks Kesejahteraan | Kesejahteraan Psikologi |
|---|---|---|---|
| Kesan perkembangan keluarga<br><br>Mengukur kejayaan dalam kesejahteraan kanak-kanak<br><br>Indikator sosial dan kefungsian keluarga | Kesihatan dan kesejahteraan di serata dunia: Bukti dari kajian sedunia Gallup<br><br>Agama, kesihatan dan kesejahteraan di kalangan warga Afrika-Amerika | Indeks Kesejahteraan Kanak-Kanak Eropah<br><br>Kemiskinan kanak-kanak<br><br>Indeks kesejahteraan kanak-kanak<br><br>Seminar indikator kesejahteraan kanak-kanak | Bekerja jadual tidak standard dan syif tidak tetap dalam keluarga berpendapatan rendah<br><br>Kajian longitudinal tentang persepsi kawalan psikologi ibu bapa dan kesejahteraan psikologi |

| Kesejahteraan Kanak-kanak | Indikator Sosial Budaya/Indikator Sosial | Kesejahteraan Subjektif | Indeks Kesejahteraan Di Malaysia |
|---|---|---|---|
| Kesejahteraan zaman kanak-kanak<br><br>Kesejahteraan kanak-kanak<br><br>Kesejahteraan kanak-kanak dan belia<br><br>Kesejahteraan kanak-kanak dan ketidaksamaan pendapatan<br><br>Kestabilan keluarga<br><br>Struktur kelurga dan kesejahteraan kanak-kanak<br><br>Kajian keluarga rapuh dan kesejahteraan kanak-kanak<br><br>Perkahwinan dan kesejahteraan kanak-kanak<br><br>Indikator kesejahteraan negara<br><br>Matriks indikator kesan kesejahteraan | Indikasi kesihatan warga New Zealand<br><br>Kemiskinan dan kesejahteraan kanak-kanak di Cina<br><br>Indikator kesejahteraan budaya<br><br>Konvensyen hak kanak-kanak: UNICEF<br><br>Modul kesejahteraan sosial dan peribadi<br><br>Indikator sosial dan pengukuran kemapanan | Penilaian kesejahteraan subjektif<br><br>Perbezaan jantina dalam kesejahteraan subjektif<br><br>Dasar negara<br><br>Peranan dan kesejahteraan wanita<br><br>Kesejahteraan ekonomi subjektif<br><br>Kesejahteraan subjektif: Progres tiga dekad<br><br>Kesejahteraan subjektif penduduk dewasa Sweden<br><br>Indeks Kesejahteraan Kesatuan Australia | Indeks baru Kualiti Hidup Malaysia<br><br>Kefungsian keluarga dan kesejahteraan kanak-kanak di kalangan ibu tunggal Melayu di bandar<br><br>Pendapatan, kesihatan dan kesejahteraan di serata dunia<br><br>Indeks Kesejahteraan Peribadi<br><br>Inisiatif indikator pembangunan mapan di Malaysia<br><br>Kesejahteraan pemilik tradisional Nywaigi |

| Kualiti Hidup | | | |
|---|---|---|---|
| Kertas persidangan: Skala komprehensif kualiti hidup<br><br>Indikator kualiti hidup: Monograf | Indikator kualiti hidup terpilih<br><br>Kualiti hidup masyarakat bandar pertengahan di Malaysia | Indeks spiritualiti kesejahteraan<br><br>Kualiti hidup dan indikator sosial | Kemapanan dan indikator kualiti hidup<br><br>Indeks Kesejahteraan Kesatuan |
| **Kesejahteraan** | | | |
| Penuaan dan kesejahteraan<br><br>Identiti budaya<br><br>Indikator kesejahteraan komuniti<br><br>Cadangan untuk rangka kerja indikator kesejahteraan | Kesejahteraan ekonomi<br><br>Laporan kemiskinan kanak-kanak<br><br>Kesejahteraan kanak-kanak orang asli (Amerika)<br><br>Kesejahteraan dan kebahagiaan | Kesejahteraan emosi dan fizikal<br><br>Indeks Kesejahteraan Kanak-Kanak<br><br>Perkahwinan dan kesejahteraan ekonomi<br><br>Kesejahteraan dan kesihatan | Perubahan dalam kesejahteraan zaman kanak-kanak hingga remaja<br><br>Indeks budaya dan kesejahteraan<br><br>Penduduk, kesihatan dan kesejahteraan insan<br><br>Bekerja lebih masa dan kesejahteraan |
| **Indikator Kesejahteraan Keluarga** | | | |
| Kanak-kanak Amerika: Indikator utama kesejahteraan negara bagi 2009<br><br>Perancangan keluarga<br><br>Bentuk keluarga<br><br>Indikator utama kesejahteraan<br><br>Penduduk, kesihatan dan kesejahteraan insan<br><br>Teori kesejahteraan keluarga | Kemiskinan kanak-kanak dan pendapatan keluarga<br><br>Aliran keluarga<br><br>Buku panduan bagi indikator perancangan keluarga<br><br>Simposium kesejahteraan keluarga kebangsaan<br><br>Pemantauan daerah bagi kesejahteraan kanak-kanak dan keluarga<br><br>Penjagaan kanak-kanak universal | Hubungan komuniti keluarga, kanak-kanak, dan keluarga<br><br>Senarai semak (checklist) kesejahteraan keluarga<br><br>Indikator kesejahteraan kanak-kanak dan keluarga<br><br>Warga tua Amerika 2008: Indikator utama kesejahteraan<br><br>Mengukuhkan keluarga orang asli<br><br>Mengukur indikator kesejahteraan keluarga | Perkembangan keluarga<br><br>Kesejahteraan keluarga di Australia<br><br>Indikator kesihatan<br><br>Bengkel dasar tentang HIV/AIDS dan kesejahteraan keluarga<br><br>Dasar perkhidmatan sosial dan kesejahteraan keluarga<br><br>Dasar sosial dan ekonomi |

# LAMPIRAN B

## Bilangan Isi Rumah Terpilih Mengikut Negeri

| Negeri | Bilangan Isi rumah | Negeri | Bilangan Isi rumah |
|---|---|---|---|
| Johor | 332 | Perlis | 24 |
| Kedah | 204 | Sabah | 322 |
| Melaka | 78 | Sarawak | 248 |
| Kelantan | 171 | Selangor | 489 |
| Negeri Sembilan | 108 | Terengganu | 109 |
| Perak | 235 | Kuala Lumpur | 179 |
| Pahang | 152 | Pulau Pinang | 157 |
| | | **JUMLAH** | **2,808** |




LPPKN
UTAMAKAN KELUARGA
FAMILY 1ST
LPPKN
UTAMAKAN KELUARGA
FAMILY 1ST

**LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA (LPPKN)**

Bangunan LPPKN,
12B Jalan Raja Laut,
Peti Surat 10416
50712 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: 03-26937555
Faks: 03-26988185
Emel: penduduk@lppkn.gov.my
Laman web: www.lppkn.gov.my

www.facebook.com/lppkn twitter.com/lppkn

ISBN 978-983-2205-84-5